

**STRES DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI
KAWASAN FELDA DALAM DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR.**

OLEH :

ZARIF BIN JUMAAT

**Kertas Projek ini Diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
sebagai Memenuhi Syarat Keperluan
Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia
Universiti Utara Malaysia**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja tesis yang dinyatakan dalam kertas kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri (kecuali jika diakui di dalam teks) dan bahawa tidak ada kerja sebelumnya yang telah dikemukakan sebelum ini untuk apa-apa program sarjana. Semua sumber yang dipetik telah diakui oleh rujukan.

Tandatangan : _____

Nama : Zarif Bin Jumaaat

Tarikh : _____

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan Pengijazahan Program Sarjana Pengurusan Sumber Mnausia, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan UUM untuk mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhannya atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, UUM. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini dibuat.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

**Dekan
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi stres terhadap guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Objektif utama adalah untuk melihat sejauh mana hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi) dengan pemboleh ubah bersandar (stres guru).

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan di antara kesemua pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi) dengan pemboleh ubah bersandar (stres guru). Sampel kajian ini telah diperolehi daripada guru-guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Sebanyak 185 sampel telah diperolehi oleh penyelidik untuk diuji dalam kajian ini.

Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS)* Versi 21.0. Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor beban tugas dan karenah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru manakala faktor masalah peribadi mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan stres guru.

Kata Kunci : Stres guru, beban tugas, karenah pelajar, masalah peribadi.

ABSTRACT

The study was conducted with the aim to identify the factors that lead to stress on secondary school teachers in FELDA areas in district of Kota Tinggi, Johor. The main objective of this study is to see the relationship between independent variables (burden task, student misbehavior, interpersonal relations, and personal problems) on dependent variables (stress).

Quantitative methods were used to determine the connections between all independent variables and dependent variables. The samples for this study were obtained from the secondary teachers in FELDA areas in district of Kota Tinggi, Johor. There were 185 samples which were collected for the purpose of this study.

Statistic Package for Social Science (SPSS) version 21.0 software was used to test each hypothesis in this study. The findings of this study suggested that there is a significant positive relationship between burden task and teachers stress, there is a significant positive relationship between student misbehaviour and teachers stress, and there is no significant relationship between personal problems and teachers stress

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, ingin saya mencurahkan rasa penghargaan dan terima kasih saya terhadap beberapa pihak yang banyak memberi ihsan dan bakti dalam pelbagai cara sepanjang perjalanan jauh saya menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Dengan penuh kerendahan hati, ingin saya titipkan nama-nama mereka di lembaran ini.

Paling utama, Alhamdulillah segala rasa syukur saya ucapkan pada Yang Maha Esa atas segala keberkatan, rahmat, belas ihsan dan kemurahan nikmat yang diperturunkan selama ini kepada kehidupan saya sekeluarga.

Keduanya, untuk Dr. Zurina Bte Adnan. Beliau merupakan seorang penyelia yang amat saya hormati dan hargai atas segala susah payahnya memberi tunjuk-ajar, bantuan dan kata-kata semangat untuk saya mengharungi segala dugaan dengan tenang.

Seterusnya, buat bonda dan ayahanda yang tersayang (Hanisah Kassim & Allahyarham Jumaat Awang dan Allahyarham Mohamad Kassim) atas segala doa dan pengorbanan yang tidak mampu dibalas oleh anakanda buat selamanya. Walaupun ayahanda sudah tiada di dunia fana, anakanda harap kejayaan anakanda ini mampu membuatkan ayahanda tersenyum disana.

Akhir sekali, kepada saudara-mara dan rakan-rakan seperjuangan yang terlalu banyak membantu. Segala jasa yang telah ditabur tidak bisa dibalas dengan hanya ucapan terima kasih. Hanya Allah yang mampu membalas jasa kalian.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PERAKUAN KERTAS KERJA PROJEK	i
	PENGAKUAN	ii
	KEBENARAN MENGGUNA	iii
	ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)	iv
	ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	v
	PENGHARGAAN	vi
	KANDUNGAN	vii– x
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
SATU	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Definisi Terma Utama	13
	1.8 Organisasi Kertas Projek	15

DUA	SOROTAN KARYA	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Stres.	17
2.3	Jenis Stres	19
2.4	Model-Model Berkaitan Stres	20
	2.4.1 Stres – Cooper (1976)	20
	2.4.2 Model Stres Guru	23
2.5	Faktor-Faktor Stres Guru	24
	2.5.1 Beban Tugas	24
	2.5.2 Karenah Pelajar	26
	2.5.3 Hubungan Interpersonal	27
	2.5.4 Masalah Peribadi	28
2.6	Pengaruh Beban Tugas Ke Atas Stres Guru	29
2.7	Pengaruh Karenah Pelajar Ke Atas Stres Guru	32
2.8	Pengaruh Hubungan Interpersonal Ke Atas Stres Guru	33
2.9	Pengaruh Masalah Peribadi Ke Atas Stres Guru	35
2.10	Kerangka Teoritikal	37
2.11	Kesimpulan	38
TIGA	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	39
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	40

3.4	Populasi Dan Sampel	40
3.5	Instrumen Kajian	41
3.6	Ujian Kebolehpercayaan (<i>Reliability Test</i>)	43
3.7	Teknik Analisis Data	44
	3.7.1 Analisis Faktor	45
	3.7.2 Analisis Deskriptif	46
	3.7.3 Analisis Korelasi Pearson	46
	3.7.4 Analisis Regresi	47
3.8	Kesimpulan	47
EMPAT	PENEMUAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Kutipan Data	48
4.3	Analisis Deskriptif	48
4.4	Analisis Faktor	51
4.5	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan	55
4.6	Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah	56
4.7	Ujian Normaliti	57
4.8	Ujian Korelasi Pearson	58
4.9	Ujian Regresi Berbilang	59
4.10	Kesimpulan	61
LIMA	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan Latar Belakang Responden	62
5.3	Perbincangan Objektif Kajian	64
	5.3.1 Objektif Kajian Pertama	64

5.3.2	Objektif Kajian Kedua	66
5.3.3	Objektif Kajian Ketiga	67
5.4	Batasan Kajian	68
5.5	Implikasi Dan Saranan	69
5.6	Cadangan Kajian Untuk Penyelidik Masa Depan	72
5.7	Kesimpulan	72
	RUJUKAN	73

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jumlah responden	41
3.2	Kriteria borang soal selidik	42
3.3	Instumentasi borang soal selidik	42
3.4	Pekali Alpha Cronbach	44
3.5	Nilai Alpha Cronbach ujian rintis	44
3.6	Interpretasi nilai pekali korelasi	47
4.1	Maklumat latar belakang responden (n=185)	49
4.2	Analisis faktor ke atas pemboleh ubah bersandar	52
4.3	Analisis faktor ke atas pemboleh ubah tak bersandar	53
4.4	Nilai Cronbach Alpha bagi pemboleh ubah	55
4.5	Pekali Cronbach Alpha	55
4.6	Statistik deskriptif pemboleh ubah-pemboleh ubah	56
4.7	Keputusan Ujian Normaliti	57
4.8	Analisis Korelasi Pearson	58
4.9	Analisis regresi berbilang	60
4.10	Ringkasan ujian hipotesis	61

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1	Model Stres Guru	23
2	Kerangka teoritikal	37

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of variance
FELDA	Federal Land Development Authority
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
SPSS	Statistical Package for Social Sciences

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik kajian	78
B	Hasil Analisis SPSS	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Bab satu membincangkan tentang gambaran keseluruhan kajian ini. Bab ini menghuraikan latar belakang kajian dan isu-isu yang mendorong kajian ini dilakukan. Kemudian, diikuti dengan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi terma utama dan kesimpulan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian.

Ledakan era globalisasi telah mengheret kemajuan pesat dalam pelbagai bidang dan industri yang meliputi aspek politik, ekonomi, dan sosial. Turut tidak terkecuali merasai kesan hebat globalisasi ialah bidang pendidikan. Pendidikan merupakan tunjang kepada pembangunan sesebuah negara. Aspek pendidikan perlu diberi keutamaan dalam membangunkan sesebuah negara dalam meniti arus kemodenan. Mutu pendidikan yang tinggi akan melahirkan generasi yang bukan sahaja berintelektual, malah mempunyai nilai-nilai yang murni dalam kehidupan.

Dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020, Malaysia memerlukan modal insan yang berdaya tinggi, berproduktiviti tinggi, berintegriti, intelektual yang tinggi, kecekapan dan kecergasan yang tinggi. Dalam hal ini, guru merupakan golongan

yang memainkan peranan yang cukup besar untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020 dan juga hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu melahirkan modal insan yang berkualiti dan sumber tenaga yang mempunyai minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran dan rintangan pada masa hadapan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2014, jumlah guru di negara kita adalah sebanyak 419,820 orang iaitu lebih kurang satu per empat daripada jumlah keseluruhan jumlah kakitangan dalam sektor awam. Pengambilan jumlah guru yang ramai ini adalah satu langkah negara dalam melahirkan modal insan atau sumber tenaga yang berkualiti pada masa hadapan.

Guru-guru amat terdedah kepada gejala stres. Menurut Kyriacou (1987), jumlah kajian yang semakin meningkat tentang stres guru di seluruh dunia menunjukkan keseriusan masalah ini. Stres boleh menyebabkan seseorang mengalami penyakit dan gejala ini dijangka akan meningkat dalam tempoh 20 tahun akan datang (Hong, 2014).

Stres merupakan satu masalah kesihatan awam yang sudah menjadi kebiasaan dan mempunyai kekerapan yang tinggi. Ketidakupayaan untuk mengawal tekanan yang tinggi dengan cara yang sihat boleh membawa seseorang untuk melepaskan kesakitan dan kekecewaan mereka melalui cara keganasan atau mencederakan diri sendiri (Mullen & Costello, 1981).

Di samping itu, stres yang tinggi boleh menyebabkan kelakuan dan sikap individu menjadi negatif seperti menzahirkan tingkah laku agresif, tidak menghormati hak undang-undang, terlalu emosi sesama rakan-rakan dan keluarga serta gagal mengawal perasaan sendiri (Mullen & Costello, 1981).

Gold dan Roth (1993) berpendapat bahawa salah satu punca yang menyebabkan guru mengalami tekanan adalah disebabkan oleh perubahan dalam sesuatu dasar. Sistem pendidikan di Malaysia mengalami berbagai-bagai siri reformasi dan perubahan demi memastikan sistem tersebut sentiasa memenuhi citarasa dan kehendak semasa. Pelbagai dasar, piawaian, penanda aras dan strategi-strategi telah diperkenalkan seperti Standard Guru Malaysia (SGM), Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS), Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI), dan banyak lagi.

Siri perubahan dan tuntutan yang tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia menyebabkan peranan dan tugas guru menjadi semakin kompleks. Guru – guru harus sentiasa bersedia dengan beban tugas yang semakin bertambah, bersedia untuk menghadapi apa jua perubahan, sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai aspek seperti kemahiran dalam pengurusan, dan bersedia untuk melakukan tugas yang luar dari bidang profesion keguruan. Bagi menghadapi cabaran, permintaan dan tuntutan yang tinggi dalam bidang pendidikan, guru-guru terdedah dengan gejala stres atau tekanan kerja (Sapora, 2010).

Banyak faktor yang berpotensi menyebabkan stres dalam kalangan guru. Antaranya ialah melalui faktor persekitaran seperti persekitaran tempat kerja, faktor jenis kerja yang diterima dan karenah dari pelajar-pelajar yang terpaksa dihadapi oleh guru-guru. Selain itu, faktor organisasi juga menyumbang kepada stres dalam kalangan guru. Antara faktor stres yang termasuk dalam kategori faktor organisasi ialah semua kerja perlu disiapkan dengan segera, perbezaan antara persediaan tugas dengan ketetapan tugas dan perubahan dasar yang drastik (Ahmad Faiz, 2011).

Di samping itu, stres juga boleh berpunca daripada faktor diri seperti masalah peribadi yang dihadapi oleh guru. Selain itu, akibat sukar mencari pekerjaan, ramai individu yang menjadikan profesion keguruan sebagai pilihan terakhir mereka. Justeru, kebanyakan golongan ini mempunyai minat, keazaman, efikasi sendiri dan semangat serta kesanggupan yang rendah. Mereka akan mudah berasa stres sebaik sahaja mereka memasuki kehidupan sebagai seorang guru (Hapriza, Ungku dan Aisyah, 2005).

Justeru, kajian ini dilakukan sebaik-baiknya bagi mendapatkan jawapan yang jelas tentang faktor yang menyumbang kepada stres dalam kalangan guru.

1.2 Pernyataan Masalah.

Kita seringkali dihadang dengan berita-berita tentang stres dalam kalangan guru. Hasil kaji selidik Jabatan Kesihatan Masyarakat Pusat Perubatan Universiti

Kebangsaan Malaysia (PPUKM), guru berada di kedudukan keempat dalam kerjaya yang paling stres, dibelakang polis, pegawai penjara, dan bomba (Utusan Online, 2012). Statistik tersebut agak mengejutkan kerana profesion keguruan berada di atas profesion tentera. Hal yang demikian menunjukkan bahawa guru-guru merupakan antara golongan yang amat terdedah kepada stres.

Terdapat banyak berita yang kurang enak tentang guru-guru di dada akhbar seperti guru mencederakan anak murid, guru bergaduh dengan ibubapa, guru mudah mendapat sakit jiwa dan lain-lain lagi (Utusan Online, 2012).

Memetik laporan akbar Berita Harian pada Januari, 2013, tiga pelajar Tingkatan Tiga sebuah sekolah di Pahang terpaksa menjalani rawatan dan ditahan semalaman di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) selepas pitam akibat dirotan di bahagian kepala oleh seorang guru lelaki (Harian Online, 2013).

Selain itu, hanya kerana gagal menyiapkan tugas sekolah yang diberi, dua murid tahun empat di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Pulau Pinang digelar seekor lembu oleh seorang guru lelaki dan digantung loceng di leher serta dipaksa memakan rumput oleh seorang guru sekolah itu. Guru tersebut juga dilaporkan mengugut akan memuat naik gambar mereka yang diambil menggunakan telefon bimbit di laman sosial *Facebook* (Utusan Online, 2014).

Pengarah Pelajaran Kelantan, Hussien Awang berkata kebanyakan kes salah laku guru yang berlaku adalah kerana guru berasa stres dan tekanan perasaan akibat menghadapi masalah dalam pekerjaan mereka (Sinar Harian, 2014).

Laporan kes salah laku guru yang berlaku setiap tahun kebelakangan ini menggambarkan bahawa tahap stres guru berada pada tahap yang semakin membimbangkan dan perlu diberi perhatian.

Selain itu, kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa stres guru berpunca daripada beberapa faktor seperti faktor beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, masalah peribadi, dan lain-lain lagi. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd Zuri, Adnan dan Suzana (2014) yang menyatakan bahawa selain daripada mengajar dan berdepan dengan pelbagai karenah pelajarnya, seseorang guru juga dituntut untuk melaksanakan pelbagai tugas lain yang menjadi rutin pekerjaan mereka seperti mengutip yuran, mengemaskini kedatangan pelajar, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan dan lain-lain lagi.

Malah, guru perlu dilengkapi diri dengan pelbagai kualiti, pengetahuan, dan kemahiran supaya mereka boleh menjadi model zuhud yang harus mempunyai kelakuan yang ideal, menjadi model peranan kepada pelajar, tidak pernah membuat kesilapan, dan juga berjaya memberi pengajaran yang berkesan (Peter Songan dan Narawi, 2002).

Menurut Lemaire (2009) menyatakan bahawa guru terlalu dibebani oleh tugas-tugas sampingan seperti tugas perkeranian, menguruskan kegiatan ko-kurikulum pelajar, menghadiri banyak mesyuarat, menguruskan aktiviti, program dan kegiatan pelajar, menjaga kebajikan pelajar, dan juga tugas-tugas pengurusan dan perkeranian. Tugas-tugas ini semua merupakan tugas yang kurang berkait rapat dengan tugas utama guru iaitu tugas yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2011 dalam Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2035 mendapati bahawa jumlah masa bekerja bagi guru-guru di Malaysia adalah sebanyak 77 jam seminggu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru terpaksa bekerja selama kira-kira 15 jam sehari. Dapatan kajian juga menunjukkan walaupun jumlah masa bekerja yang lama iaitu 15 jam sehari, namun hanya 2.4 hingga 2.9 jam digunakan untuk tugas pengajaran dan pembelajaran (p&p), manakala selebihnya digunakan untuk menyiapkan tugas-tugas lain. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru-guru merasa tertekan kerana akibat beban kerja yang berlebihan, mereka terpaksa bekerja dalam tempoh yang panjang.

Karenah pelajar juga merupakan salah satu faktor yang domain dalam menyumbang kepada stres dalam kalangan guru. Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2035, purata nisbah guru dengan murid adalah 1:35. Seorang guru perlu mengawal kira-kira 35 orang murid ketika berada di dalam kelas dan sudah tentu dalam kalangan 35 orang murid itu, mereka mempunyai ragam atau karenah yang berbeza-beza. Maka akan timbul pelbagai tingkahlaku seperti tidak

menghormati guru, tidak menumpukan perhatian di dalam kelas, masalah disiplin, tidak menyiapkan kerja sekolah, dan berbuat bising. Kesemua tabiat atau tingkahlaku ini didapati boleh membuatkan guru berasa stres setiap kali hendak memulakan tugas di dalam kelas (Fun, 2008; Kim, 2006; Tan dan Yeung, 1999; Montgomery dan Rupp, 2005; Fazura, 2011). Hal yang demikian akan membuatkan guru akan menjadi murung, tidak bersemangat dan tidak seronok untuk mengajar.

Selain itu, salah satu antara faktor berlakunya tekanan kerja atau stres dalam kalangan guru ialah faktor hubungan interpersonal. Hubungan interpersonal membawa maksud hubungan antara seseorang guru dengan guru yang lain, hubungan antara seseorang guru dengan pengetua, pegawai, jabatan pelajaran, staf sokongan, pelajar, dan hubungan antara seseorang guru dengan ibu bapa, penjaga, atau waris pelajar. Perhubungan yang dingin atau kurang baik antara guru-guru dengan personel yang terdapat di dalam sekolah akan memberi kesan yang kurang baik terhadap kualiti dan keseronokan bekerja dalam diri guru tersebut (Kamaruzzaman, 2007).

Tajulashikin, Fazura, dan Burhan (2013) menjelaskan bahawa antara faktor interpersonal yang menyebabkan stress terhadap guru ialah mereka merasakan diri mereka disisih oleh rakan sejawat, rakan guru yang lain mementingkan diri sendiri, dan guru lain tidak menghormati tindakan, perasaan dan pendapat yang dilontarkan oleh mereka. Hal ini tidak wajar berlaku dalam profesion keguruan apatah lagi guru ibarat ibu bapa kepada pelajar apabila mereka berada di sekolah. Anak-anak menghabiskan masa hampir separuh hari bersama guru-guru di sekolah dan

sewajarnya, guru-guru harus menunjukkan contoh tauladan yang baik kerana mereka dianggap sebagai role model.

Masalah peribadi seperti masalah kewangan dan masalah keluarga juga merupakan antrata faktor yang menyumbang kepada stres. Kosmo (2009) melaporkan keterangan dari seorang guru yang ditemui di Wad Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) berkata beliau pernah mengalami stres sehingga direhatkan selama enam bulan. Beliau menyatakan bahawa guru-guru terpaksa bekerja selama tujuh hari seminggu, akibatnya mereka tidak sempat untuk meluangkan masa bersama keluarga dan kurang menjalankan tanggungjawab sebagai suami atau isteri. Selain itu, gaji yang diterima juga seolah-olah tidak sepadan dengan kerja yang dilakukan dan akhirnya, bukan sahaja diri mereka tertekan malah masalah dalam rumah tangga juga timbul.

Berdasarkan huraian diatas, jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada stres dalam kalangan guru. Antara faktor tersebut ialah faktor beban tugas, faktor karenah pelajar, faktor interpersonal, dan juga faktor masalah peribadi. Pelbagai kajian tentang stres dan guru telah dilakukan samada kajian dilakukan di sekolah menengah, sekolah rendah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, Sekolah Tamil, kajian-kajian di sesebuah daerah atau negeri. Namun begitu, kajian-kajian stres yang melibatkan guru-guru dikawasan tanah rancangan FELDA masih kurang. Oleh itu, penyelidik mengambil peluang untuk menjalankan kajian bagi mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah di kawasan FELDA .

Selain itu, terdapat banyak kes salah laku dan keruntuhan akhlak yang melibatkan golongan dan belia di dalam kawasan FELDA. Antaranya ialah seperti yang dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian bertarikh 3 Mei 2015, terdapat kes pembuangan bayi yang dipercayai dilakukan oleh seorang remaja di Felda Lok Heng. Selain, itu, Johor Times bertarikh 4 Mei 2015, Polis berjaya menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah di sekitar kawasan Felda Air Tawar 4 dan Felda Air Tawar 5, manakala laporan Utusan Online, sepanjang tahun 2014, sebanyak 990 kes salah guna dadah berjaya ditahan di tanah FELDA. Selain itu, banyak lagi kes jenayah dan salah laku yang melibatkan golongan pelajar dan belia di tanah FELDA seperti kes pecah rumah, kes lumba haram, kes bunuh, kes kecurian motosikal dan lain-lain lagi.

Situasi di atas berkemungkinan boleh mendatangkan kerisauan dalam kalangan guru yang diamanahkan untuk bertugas dalam kawasan FELDA. Hal yang demikian kerana mereka terpaksa berhadapan dan mengawal para pelajar yang tinggal di kawasan indeks jenayah yang tinggi. Guru-guru akan berasa risau akan keselamatan diri mereka dan keadaan ini boleh menyebabkan mereka lebih mudah untuk mendapat stres.

Dalam kajian ini, empat pemboleh ubah tak bersandar digunakan iaitu beban tugas guru, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi. Kajian ini mengkaji pengaruh antara pemboleh ubah tak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu stres guru. Fokus akan diberikan terhadap guru yang sedang

berkhidmat di beberapa sekolah menengah dalam kawasan FELDA di daerah Kota Tinggi, Johor.

1.4 Persoalan kajian.

a) Adakah wujud hubungan yang positif diantara faktor beban tugas dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

b) Adakah wujud hubungan yang positif diantara faktor karenah pelajar dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

c) Adakah wujud hubungan yang positif diantara faktor hubungan interpersonal dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

d) Adakah wujud hubungan yang positif diantara faktor masalah peribadi dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

1.5 Objektif kajian.

a) Mengkaji hubungan diantara faktor beban tugas dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

b) Mengkaji hubungan diantara faktor karenah pelajar dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

c) Mengkaji hubungan diantara faktor hubungan interpersonal dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

d) Mengkaji hubungan diantara faktor masalah peribadi dengan stres guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

1.6 Kepentingan Kajian.

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi sumber panduan yang berguna kepada pihak-pihak berkaitan seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, guru-guru yang bertugas di kawasan FELDA, pihak pentadbir sekolah dan penyelidik sendiri untuk merangka strategi-strategi yang berkesan dalam mengatasi gejala stres dalam kalangan guru.

Hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat meningkatkan lagi tahap kesedaran dalam kalangan pentadbir-pentadbir sekolah tentang isu stres dalam kalangan guru dan juga memberi peluang kepada pihak pentadbir untuk mengenal pasti faktor-faktor utama stres dalam kalangan guru di kawasan FELDA. Hal yang demikian akan

memudahkan pentadbir-pentadbir sekolah untuk mengambil tindakan proaktif yang sewajarnya dalam menangani ataupun paling tidak, dapat meminimalkan stres dalam kalangan guru.

Selain itu, hasil kajian ini juga akan dapat menambahkan lagi sorotan kajian yang lebih banyak dan mendalam dalam bidang akademik tentang guru di Malaysia terutama dalam kawasan FELDA. Hal yang demikian secara tidak langsung akan dapat memudahkan serta membantu para pengkaji lain yang ingin membuat kajian berkaitan stres guru pada masa akan datang.

1.7 Definisi terma utama.

1.7.1 Stres.

Stres bermaksud suatu tindakbalas atau respon individu terhadap sesuatu yang dialaminya. Tindakbalas tersebut boleh berlaku dalam bentuk emosi, tingkahlaku, dan juga kognitif atau pemikiran (Schafer, 1992).

1.7.3 Beban tugas.

Beban tugas ialah tugas-tugas tertentu yang perlu dilaksanakan oleh seseorang guru. Tugas-tugas tersebut meliputi hal-hal berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mahupun tidak. Antara ialah seperti mengajar, mengisi jadual kehadiran pelajar,

menjadi guru ganti, menguruskan aktiviti-aktiviti dan program pelajar, membuat dan menggubal soalan peperiksaan, membawa pelajar yang sakit ke hospital, tugas-tugas pentadbiran, dan lain-lain lagi (Fazura, 2011).

1.7.4 Karenah pelajar.

Tajulashikin, Fazura, dan Burhan (2013) menyatakan bahawa karenah pelajar dapat ditakrifkan sebagai tingkahlaku negatif yang ditunjukkan oleh pelajar seperti tidak menghormati guru, membuat bising, tidak bermotivasi, mengganggu pelajar lain yang hendak belajar, ponteng sekolah dan lain-lain lagi.

1.7.5 Hubungan interpersonal.

Hubungan interpersonal guru ialah hubungan antara guru dengan pengetua dan dengan guru-guru yang lain, hubungan antara guru dengan staf-staf pentadbiran yang lain seperti staf makmal, tukang kebun sekolah, dan pengawal keselamatan sekolah mahupun hubungan guru-guru dengan ibu bapa pelajar (Kim, 2007).

1.7.6 Masalah Peribadi.

Masalah peribadi merujuk kepada masalah yang dihadapi yang berpunca daripada faktor diri guru itu sendiri seperti masalah keluarga dan masalah kewangan. Masalah

keluarga merupakan masalah antara hubungan guru dengan suami/isteri, anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Masalah kewangan pula meliputi masalah kedudukan kewangan guru seperti gaji, beban hutang, dan lain-lain (Valarmathy, 2014).

1.8 Organisasi Kertas Projek.

Penulisan kertas projek ini mengandungi lima bab. Bab pertama menggambarkan keseluruhan kertas projek ini yang mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, kemudian diikuti pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan kandungan kertas projek.

Bab kedua membahaskan kajian-kajian para pengkaji lepas tentang definisi, konsep dan teori yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang terlibat. Bab ini juga membincangkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, hipotesis kajian, kerangka teori dan ringkasan bab.

Bab ketiga membincangkan pengenalan metodologi kajian, reka bentuk kajian, sampel kajian, pengoperasian pemboleh ubah, instrumen, analisis data, ujian rintis dan kesimpulan bab.

Bab keempat mengemukakan dapatan kertas projek mengenai deskriptif profil demografik responden, analisis faktor, keputusan kebolehpercayaan dan kesahihan

kajian, keputusan analisis korelasi Pearson, keputusan analisis regresi dan kesimpulan bab.

Bab terakhir yaitu kelima mengemukakan perbincangan hasil dapatan kertas projek, batasan kajian, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan bab.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan.

Bab dua menerangkan definisi, konsep dan teori berkaitan beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, masalah peribadi dan stres guru. Bab ini juga turut membincangkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, kerangka teoritikal kajian dan kesimpulan bab.

2.2 Definisi Stres.

Stres dipercayai berasal daripada suku kata perkataan Greek iaitu *stringere*. *Stringere* membawa erti sesuatu yang ketat atau tegang (Cox, 2000). Konsep asas stres ialah kemahuan dalaman dan luaran manusia yang memberikan kesan kepada mental dan fizikal (Nor Shafrin, Zainal, Hashim, dan Susie, 2009).

Stres sentiasa dibahaskan oleh ramai pakar psikologi. Antaranya ialah Selye (1976), Lazarus dan Launier (1977-1978), Cooper dan Marshall (1976), Cox (2000), dan lain-lain lagi. Penyelidik-penyelidik ini melihat fenomena stres dari pelbagai sudut. Antara perintis yang mengkaji stres ialah Selye. Selye (1976) berpendapat bahawa stres membawa tafsiran yang berlainan terhadap individu yang berbeza-beza. Beliau menambah, stres akan mendatangkan kesan terhadap emosi, fizikal, dan mental seseorang.

Gold dan Roth (1993) turut memberikan definisi yang selari dengan Selye (1976) yang berpendapat bahawa stres merupakan satu keadaan di mana individu yang menghidapinya akan mengalami kemerosotan dalam daya pemikiran atau kognitif, dan juga boleh menjejaskan kesihatan, baik kesihatan fizikal mahupun mental. Kemerosotan daya kognitif individu menyebabkan individu tersebut akan menganggap sesuatu situasi sebagai suatu ancaman kepadanya, dan dia akan hilang daya keseimbangan serta mengalami perubahan emosi dan fizikalnya.

Selain itu, Smither (1994) menyatakan tekanan atau stres merupakan suatu tindakbalas dalam bentuk fisiologikal dan juga psikologikal terhadap permintaan seseorang. Ini bermaksud, dalam kehidupan, seseorang akan diberikan permintaan atau harapan. Apabila permintaan atau harapan tersebut gagal dicapai, maka individu tersebut akan berasa tertekan seterusnya akan melahirkan tindakbalas dalam bentuk fisiologikal dan psikologikal.

Definisi lain bagi stres ialah suatu tindakbalas mental dan fizikal individu sewaktu memberi respon terhadap suatu permintaan keatas diri seseorang. Dalam kata lain, apabila dibebani dengan berbagai-bagai tanggungjawab dan permintaan, seseorang itu akan mengerah minda dan daya fizikalnya untuk memberi tindak balas untuk mencapai permintaan tersebut (Schafer, 1992).

Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan, dapat diringkaskan bahawa stres bermaksud suatu tindakbalas atau respon individu terhadap sesuatu yang dialaminya. Tindakbalas tersebut boleh berlaku dalam bentuk emosi, tingkahlaku, dan juga kognitif atau pemikiran. Stres juga akan menyebabkan kesan kepada fizikal dan

mental seseorang seterusnya akan menyebabkan seseorang itu mengalami kemerosotan dalam kesihatan, kemampuan fizikal, dan kemampuan berfikir.

2.3 Jenis stres

Stres terbahagi kepada dua iaitu *eustress* dan *distress* (Hong, 2014). *Eustress* merupakan stres positif yang boleh bertindak sebagai motivasi diri. Individu yang mengalami *eustress* akan menerima dan menganggap stres sebagai sesuatu yang baik untuk diri mereka dan mereka akan menerimanya dengan hati yang terbuka (Wan Saniah, 2007).

Sementara itu, Hargrove dan rakan-rakan (2013) berpendapat *eustress* adalah jenis stres yang memberi tekanan yang tinggi kepada individu. Walau bagaimanapun, stres jenis ini merupakan stres yang membina dan tidak menjejaskan kesihatan seseorang. *Eustress* juga suatu tindakbalas psikologikal yang menyebabkan stres. Selain itu, *eustress* dianggap sebagai penglibatan aktif dan suatu harapan dalam kerja-kerja yang dilakukan oleh seseorang yang mana ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan perasaan seseorang.

Distress pula ialah stres yang negatif yang mana ia akan menyebabkan individu yang menghadapinya mengalami masalah mental dan masalah kesihatan. *Distress* juga merupakan stres yang akan berlaku berulang kali dalam diri individu (Wan Saniah, 2007).

Distress boleh ditafsirkan sebagai rasa sakit, kesedihan dan keresahan dalam kesusahan atau keadaan berbahaya yang memerlukan bantuan. *Distress* berlaku disebabkan oleh individu tersebut mengalami kekurangan keperluan asas. Selain itu, ia juga menggambarkan seseorang itu sedang bergelumang dengan kenyataan yang negaif dan tidak bersesuaian dengan mereka dimana proses fisiologi dan psikologi mereka sedang mengalami kemampuan mengawal sistem dalaman tubuh badan (homeostasis) yang tidak stabil (Majlis Penyelidikan Negara, 2003).

Dalam kajian ini, stres yang digunakan ialah stres dalam konteks *distress* iaitu stres yang negatif.

2.4 Model-model berkaitan stres

2.4.1 Stres – Cooper (1976)

Stres pekerjaan dilihat sebagai *stressor* atau faktor persekitaran yang negatif seperti beban tugas, konflik atau kekaburan peranan, keadaan kerja yang tidak memuaskan dan banyak lagi. Masalah dalam pekerjaan yang menyebabkan stres boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Tiga kategori tersebut adalah masalah teknikal, masalah hubungan dalam organisasi, dan masalah komunikasi (Cooper dan Marshall, 1976; Mazlina, 2013).

Masalah hubungan ialah individu yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan rakan sekerja yang lain. Masalah teknikal ialah individu yang mengalami masalah dalam melakukan pekerjaan yang bersifat kemahiran manakala masalah komunikasi ialah individu berasa sukar untuk memperoleh maklumat tentang organisasi sama ada melalui majikan mahupun rakan sebaya untuk menyelesaikan kerjanya. Apabila masalah-masalah yang disebutkan berlaku maka individu tersebut memiliki potensi besar untuk mendapat stres (Cooper, 1976).

Cooper (1981) dan Kim (2006) seterusnya telah mencadangkan enam faktor yang mewujudkan stres kerja iaitu:

(a) Tugas Pengurusan.

Stres berpunca daripada tugas-tugas dalam pengurusan seperti beban kerja yang terlalu banyak, kekangan masa, kewajipan membuat suatu keputusan, dan perlu untuk bekerja lebih masa.

(b) Peranan Pekerja.

Peranan pekerja dibahagikan kepada dua. Pertama ialah konflik peranan dan yang kedua ialah kekaburan peranan. Farber (1991) menyatakan konflik peranan berlaku apabila seseorang diminta untuk melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan dirinya. Ia wujud apabila seseorang itu terpaksa melakukan kerja yang tidak diminatinya. Kekaburan peranan pula terjadi apabila individu tidak mengetahui maklumat yang lengkap dan sempurna tentang objektif, akauntibiliti, hak-hak, status, kaedah, skop dan tanggungjawab kerjanya.

(c) Struktur Organisasi.

Struktur organisasi pula ialah sesuatu hal yang berkaitan dengan kebebasan individu, autonomi, dan identiti. Stres akan wujud apabila berlaku masalah-masalah seperti kekurangan komunikasi yang berkesan, melibatkan diri dalam proses membuat keputusan, kekurangan konsultasi atau khidmat perundingan yang baik, terlalu banyak politik pentadbiran dan sebagainya

(d) Prospek Kerjaya.

Seseorang pekerja sudah tentu inginkan kemajuan dalam kerjayanya yang disertai dengan kenaikan gaji, kenaikan pangkat, status yang lebih tinggi, serta tugas yang lebih mencabar, namun begitu, kegagalan mendapatkan perkara-perkara ini boleh menyebabkan seseorang mendapat stres.


(e) Hubungan Interpersonal.

Hubungan interpersonal ialah hubungan yang wujud antara pekerja dengan rakan sekerja yang lain dan juga dengan majikan. Hubungan interpersonal yang baik akan membawa pelbagai kebaikan kepada individu mahupun syarikat, sebaliknya, hubungan interpersonal yang tidak baik boleh menyebabkan timbulnya stres.

(f) Masalah Peribadi.

Masalah peribadi pula merujuk kepada arah tuju kehidupan seseorang yang bersifat peribadi. Masalah peribadi merangkumi konflik antara kepercayaan sendiri, konflik organisasi, masalah keluarga, masalah kewangan, dan permintaan keluarga.

2.4.2 Model Stres Guru.



Rajah 1. Model Stres Guru
Sumber : **Boyle, Borg, Falzon & Baglioni, (1995)**

Model yang dibentuk oleh Boyle, Borg, Falzon & Baglioni merupakan model yang berpandukan kepada lima sumber yang menyebabkan stres dalam kalangan guru yang meliputi beban kerja, karenah pelajar, pengiktirafan professional, sumber pengajaran dan perhubungan dengan rakan sekerja yang kurang baik.

Berdasarkan model ini, kelima-lima faktor iaitu bebanan kerja, karenah pelajar, pengiktirafan professional, sumber pengajaran, perhubungan kurang baik dengan rakan sekerja merupakan faktor utama yang menyebabkan stres kepada guru. Walau bagaimanapun dalam kajian yang telah mereka jalankan terhadap 710 orang guru sekolah rendah di Maltese, mereka berpendapat bahawa di antara lima faktor utama ini, faktor beban tugas dan salah laku pelajar merupakan faktor yang paling dominan dalam menyebabkan stres kerja guru (Kim, 2006).

2.5 Faktor-faktor Stres Guru

Dalam kajian ini, empat pemboleh ubah tak bersandar telah dipilih iaitu, beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi.

2.5.1 Beban tugas

Beban tugas didefinisikan sebagai jumlah kerja dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan (Fatmi dan Khuwaja, 2004). Beban tugas mempunyai kesan langsung pada fungsi kerohanian (psychic) dan fisiologikal pekerja dan mempengaruhi keselesaan dan kepuasan seseorang dalam kerja (Solc dan Sutoova, 2009)

Fazura (2011) menyatakan bahawa beban tugas ialah tugas yang wajib dilaksanakan oleh guru. Tugas tersebut boleh menjadi tugas yang berkait secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran ataupun sebaliknya. Antara tugas yang perlu dilakukan ialah mengajar di dalam kelas, menghabiskan silibus subjek, menyediakan alat bantu mengajar, dan membuat rancangan mengajar, serta memeriksa buku latihan pelajar. Selain itu, tugas-tugas guru yang lain ialah mengisi jadual kehadiran pelajar, menjadi guru ganti, menguruskan aktiviti-aktiviti dan program pelajar, membuat dan menggubal soalan peperiksaan, membawa pelajar yang sakit ke hospital, tugas-tugas pentadbiran, dan lain-lain lagi.

Beban tugas terjadi akibat desakan terhadap kerja yang terpaksa dibuat mengatasi keupayaan (sumber) untuk membuat kerja tersebut (Abdul Razak, 2010). Secara

amnya, beban kerja boleh dikategorikan dalam dua bentuk iaitu kuantitatif dan kualitatif (Glaser, Tatum, Nebeker, Sorenson dan Aiello, 1999). Beban tugas kualitatif merujuk sesuatu tugas itu sukar disiapkan manakala beban tugas kuantitatif pula merujuk kepada tugas yang terlalu banyak untuk dilakukan dan kedua-duanya perlu disiapkan dalam masa yang ditetapkan. (Jezlily, 2011).

Beban tugas kuantitatif secara berlebihan adalah seperti masa kerja yang panjang tanpa tempoh rehat yang secukupnya, kerja lebih masa yang panjang atau mempunyai lebih dari satu kerja. Manakala, beban kerja kualitatif berlebihan pula merujuk kepada keadaan yang dialami oleh seseorang yang mempunyai desakan kerja yang memerlukan konsentrasi berterusan atau terdedah dengan keadaan yang penuh emosi dan perasaan (Rosman, 2007).

Cooper (1988) menunjukkan semua jenis dan jenis kerja yang menjadi sumber utama terhadap beban tugas. Ini mungkin disebabkan oleh tugas yang diberikan adalah tidak sesuai atau ia menyebabkan terlalu banyak beban kepada guru. Walaupun individu itu sangat berbakat dan cekap dalam menjalankan tugasnya, sekiranya diberikan tugas yang sangat berlebihan akan menyebabkan prestasinya menurun dengan ketara akibat keletihan fizikal dan mental yang boleh membawa kepada penyakit tertentu seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan lain-lain.

Semua jenis dan bentuk kerja yang diberikan kepada guru menyebabkan guru berasa terbeban dengan tugas mereka. Beban tugas berlaku apabila kerja yang diberikan terlalu banyak dan juga guru terbabit diberikan kerja yang kurang sesuai dengan profesion mereka (Azrul, 2009).

2.5.2 Karenah pelajar

Tajulashikin, Fazura, dan Burhan (2013) berpendapat bahawa karenah pelajar ialah sikap dan tingkah laku negatif pelajar yang terpaksa dihadapi oleh guru-guru. Antara contoh tingkahlaku dan sikap negatif tersebut ialah seperti sikap pelajar yang kurang sopan terhadap guru, kerap membuat bising, tidak bermotivasi terhadap pelajaran, selalu mengganggu rakan lain sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, dan lain-lain lagi.

Masalah karenah pelajar di sekolah pada hari ini berada pada paras yang agak membimbangkan walaupun kadangkala kenyataan ini telah ditolak oleh pihak-pihak tertentu. Apabila guru terpaksa memasuki kelas yang bermasalah dan kelas yang berbagai-bagai karenah, mereka akan berasa tidak seronok untuk bekerja, mudah marah, mudah hilang pertimbangan dan akhirnya mereka terdedah untuk mendapat stres (Azrul, 2009).

Kebiasaannya guru akan berfikir secara negatif apabila berhadapan dengan pelajar, contohnya “Aku bosan dengan kelakuan pelajar ini”. Pemikiran sebegini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh sikap para pelajar yang bermasalah seperti ponteng kelas, bergaduh, malas membuat kerja sekolah, membuat bising dan sebagainya. Apabila guru berhadapan dengan perkara yang sama setiap kali sesi pengajaran bermula, maka mereka akan berasa tertekan dengan keadaan tersebut (Jesus dan Conboy, 2001).

Faktor ini merupakan faktor utama yang menyebabkan guru menghadapi tekanan di sekolah. Sikap biadap atau tidak menghormati dan menghargai guru ketika guru sedang mengajar seperti membuat bising, berbual-bual, tidak membuat latihan yang diberikan selain keluar kelas tanpa kebenaran guru yang sedang mengajar. Bagi pelajar-pelajar yang suka ponteng kelas bagi mata pelajaran yang diajar oleh guru itu juga telah menyebabkan tekanan emosi kepada guru tersebut. Ini adalah kerana tindakan pelajar yang sebeginilah telah menyebabkan prestasi sesuatu mata pelajaran itu merosot dan ini juga memberi suatu tekanan kepada guru-guru di sekolah (Kamaruzzaman, 2007).

2.5.3 Hubungan interpersonal

Kim (2007) menyatakan hubungan interpersonal berkaitan dengan hubungan dan interaksi guru dengan guru-guru yang lain dan juga tekanan daripada pihak lain seperti pengetua, pengawai atasan dan juga ibu bapa atau waris pelajar. Dengan kata lain, ia bermaksud hubungan yang melibatkan hubungan antara guru dengan guru-guru yang lain, hubungan antara guru dengan pentadbir sekolah seperti pengetua, hubungan antara guru dengan pengawai atasan dari Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran serta hubungan antara guru dan ibu bapa atau waris pelajar.

Hubungan interpersonal merupakan hubungan yang terdiri daripada dua orang atau lebih yang mana hubungan ini memiliki kebergantungan antara satu sama lain. Selain itu, hubungan interpersonal menggunakan pola interaksi yang konsisten (Jusang, Ezhar, Salleh dan Musa, 2010).

Faktor hubungan interpersonal dalam sekolah juga merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya tekanan di kalangan guru. Hubungan antara personal ini merujuk kepada hubungan guru dengan guru, guru dengan pengetua, guru dengan pegawai dan jabatan pendidikan, hubungan guru dengan staf sokongan, hubungan guru dengan pelajar dan hubungan antara guru dengan ibu bapa, penjaga atau waris pelajar. Perhubungan yang ada kalanya dingin antara guru-guru dengan personel yang terdapat di sekolah akan mempengaruhi dan memberikan implikasi yang kurang baik terhadap kualiti kerja guru-guru tersebut (Kamaruzzaman, 2007).

Azizi Yahya (2007) mendapati antara faktor interpersonal yang menyebabkan stres dikalangan guru ialah mereka merasakan diri mereka tersisih daripada rakan sekerja. Selain itu, rakan guru juga mementingkan diri serta tidak menghormati tindakan, perasaan serta pendapat dari rakan guru yang lain.

2.5.4 Masalah peribadi

Keluarga dan kerja seseorang amat berkait rapat. Sesuatu yang dialami dalam keluarga atau sesuatu pekerjaan yang dilakukan oleh ahli dalam keluarga boleh memberi kesan kepada kualiti hidup sesebuah keluarga. Keluarga adalah satu bahagian penting dalam proses ekonomi, dan apabila seseorang itu telah diambil secara langsung oleh majikan, majikan perlu menerima tanggungjawab pekerja terhadap keluarganya (Edgar, 1991; Vanden Heuval, 1993; Sarantakos, 1996; Valarmathy, 2014).

Faktor kewangan juga boleh memberi kesan kepada stres dalam pekerjaan. Masalah kewangan akan menyebabkan individu mencari pekerjaan tambahan, di mana kerja-kerja tambahan yang boleh meningkatkan lagi pendapatan keluarga. Namun begitu, pada masa yang sama, mereka perlu mencuri masa untuk membuat pekerjaan tambahan tersebut dan menyebabkan individu itu keletihan. Akibat menanggung beban kewangan yang banyak seperti perlu membayar pinjaman kewangan seperti pinjaman peribadi, pinjaman kenderaan, dan pinjaman rumah, hal yang demikian akan menyebabkan individu tersebut berasa stres dan hilang minat serta komitmen untuk menjalankan tugas dengan baik (Mattenson dan Ivancevich, 1982).

Greenberg (1990) menyatakan hal-hal yang berkaitan dengan keluarga seperti hubungan dan tuntutan tanggungjawab kekeluargaan, dan masalah kewangan merupakan antara faktor-faktor yang kerap membuatkan seseorang berasa stres. Tanggungjawab terhadap keluarga menuntut guru-guru perlu berkorban tenaga, masa, kepentingan diri dan wang ringgit. Guru-guru juga akan berhadapan dengan konflik yang mana mereka berada di dalam dilema samada mahu mengutamakan tugas sebagai guru terlebih dahulu ataupun memenuhi tanggungjawab terhadap keluarga terlebih dahulu.

2.6 Pengaruh beban tugas ke atas stres guru

Banyak kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu mengenai hubungan antara bebanan tugas dengan stres guru. Kajian yang dilakukan oleh Van Dick dan Wagner (2001) telah menyatakan bahawa faktor beban tugas merupakan penyumbang utama kepada stres terhadap guru.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Baharin dan Mariam (2010) menyatakan bahawa faktor beban tugas merupakan faktor utama yang menyebabkan stres guru sehingga boleh membawa kepada *burnout*. Hal ini Kokkinos (2007) selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Baharin dan Mariam (2010) dalam kajiannya di dua buah sekolah di Skudai, Johor yang mana hasil kajian mendapati faktor beban tugas guru merupakan faktor paling utama yang menyebabkan stres guru. Dapatan kajian tersebut menunjukkan beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Mohamad Abdillah dan Woo (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa kebanyakan guru menyatakan tahap stres berdasarkan faktor beban tugas adalah diperingkat sederhana. Walaupun tahap stres berdasarkan faktor beban tugas adalah pada tahap sederhana, namun kajian ini membuktikan bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Dapatan ini selaras dengan kajian Azizi dan Kim (2010) yang mengkaji stres dalam kalangan guru sekolah menengah aliran teknik di negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan dan hasil kajian sememangnya mendapati bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Selain itu, Tajulashikin, Fazura, dan Burhan (2013) yang menjalankan kajian terhadap sebuah sekolah di Kuala Lumpur juga mendapati bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru. Johari dan Nornazifah (2010) dalam kajiannya di sekolah dalam Zon Permas Jaya, Johor juga mendapati

bahawa salah satu punca guru menghadapi stres adalah disebabkan oleh faktor beban tugas.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Tengku Mastura dan Noraime (2006) dalam kajian mereka ke atas 50 orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai yang mendapati bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Azrul (2009) dalam kajiannya di sekolah-sekolah di Pulau Pinang mendapati bahawa walaupun faktor beban tugas bukanlah faktor yang paling dominan terhadap stres guru, namun faktor ini mempunyai hubungan yang positif dengan stres guru. Raja Maria (2011) pula yang menjalankan kajian di Sekolah Menengah di Daerah Pasir Puteh turut mendapati bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, kebanyakan kajian yang dijalankan mendapati bahawa beban tugas merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada stres guru dan faktor ini mempunyai hubungan yang positif dengan stres guru. Oleh itu, penyelidik membuat hipotesis :

Hipotesis satu (H1) :

Faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru.

2.7 Pengaruh karenah pelajar ke atas stres guru

Banyak kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu mengenai hubungan antara bebanan kerja dengan stres guru. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Mohamad Abdillah dan Woo (2010) terhadap 50 orang guru Sjk (C) di Wilayah Persekutuan mendapati bahawa 68% responden mengalami stres yang berpunca daripada karenah pelajar. Dapatan kajian membuktikan bahawa karenah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Azizi dan Kim (2010) dalam kajiannya terhadap guru-guru sekolah menengah di Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan mendapati bahawa faktor karenah pelajar merupakan faktor yang paling utama penyebab stres kepada responden dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Selain itu, Klassen dan Chiu (2010) yang membuat kajian terhadap guru sekolah rendah di Kanada mendapati bahawa faktor karenah pelajar merupakan salah satu faktor yang utama dalam menyebabkan stres terhadap guru-guru.

Abdul Rahim (2002) dalam kajiannya di beberapa sekolah menengah di Kota Tinggi juga mendapati bahawa faktor karenah pelajar mempunyai purata yang tertinggi yang menyebabkan stres dalam kalangan guru.

Namun begitu, dapatan yang diperolehi oleh Yusri (2007) pula agak berbeza dengan dapatan kajian diatas. Yusri (2007) yang menjalankan kajian terhadap 75 orang guru di Sekolah Menengah Teknik di Daerah Johor Bahru menyatakan bahawa faktor karenah pelajar adalah faktor yang paling kurang menyumbang kepada stres guru. Johari dan Nornazifah (2010) pula dalam kajiannya di Sekolah Rendah Zon Permas, Johor Bahru turut menyatakan bahawa faktor karenah pelajar tidak mempengaruhi stres guru.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, kebanyakan kajian yang dijalankan mendapati bahawa karenah pelajar merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada stres guru dan faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru. Oleh itu, penyelidik membuat hipotesis :

Hipotesis dua (H2) :

Faktor karenah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru.

2.8 Pengaruh hubungan interpersonal ke atas stres guru

Menurut Fontana (1994) dalam Baharin dan Mariam (2010) menyatakan bahawa hubungan interpersonal yang baik antara rakan sekerja mampu mengurangkan stres dan rasa ketidakselesaan antara sesama rakan sekerja. Beliau menambah, hubungan interpersonal yang baik juga mampu untuk menyelesaikan masalah dan mewujudkan suasana yang positif di tempat kerja.

Baharin dan Mariam (2010) dalam kajiannya di Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Skudai mendapati bahawa faktor hubungan interpersonal merupakan bukan faktor yang menyebabkan stres kerana guru-guru mempunyai tempat untuk saling bertukar pendapat, wujud sikap saling membantu yang tinggi dan pihak pentadbir mempunyai hubungan yang baik dengan guru-guru.

Selain itu, Johari dan Nornazifah (2010) dalam kajiannya terhadap 118 orang guru di Sekolah Rendah Zon Permas, Johor Bahru turut menyatakan bahawa faktor hubungan interpersonal tidak mempengaruhi stres guru.

Namun begitu, Fazura (2011) dalam kajiannya di Kuala Lumpur mendapati bahawa faktor hubungan interpersonal mempengaruhi stres dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru-guru.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Mazlan (2002) dalam Kim (2007) terhadap 91 orang guru sekolah rendah di Zon Tenggara, Kulai, Johor mendapati bahawa faktor perhubungan interpersonal mempengaruhi stres guru-guru.

Sementara itu, Ramli (2003) yang menjalankan kajian terhadap 53 orang guru di sekolah-sekolah menengah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan untuk mengenal pasti tahap dan punca stres kerja guru mendapati faktor hubungan interpersonal guru merupakan salah satu punca berlakunya stres dalam kalangan guru.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, kebanyakan kajian yang dijalankan mendapati bahawa faktor hubungan interpersonal merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada stres guru dan faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru. Oleh itu, penyelidik membuat hipotesis :

Hipotesis tiga (H3) :

Faktor hubungan interpersonal mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru.

2.9 Pengaruh masalah peribadi ke atas stres guru

Tidak banyak kajian lepas berkaitan masalah peribadi dengan stres guru. Kehidupan berkeluarga, hal-hal berkaitan ahli dalam keluarga boleh memberi kesan kepada pekerjaan seseorang. Tuntutan yang berkaitan dengan keluarga dan kewangan boleh menjadi sumber utama stres dalam organisasi. Ia juga akan membuatkan kerja-kerja seseorang menjadi lebih rumit dan akhirnya akan menyebabkan individu itu berasa stres atau tertekan. (Lasky, 1995; Valarmathy, 2014).

Faktor kewangan juga boleh memberi kesan kepada stres. Mattenson dan Ivancevich (1982) menyatakan bahawa masalah kewangan akan menyebabkan seseorang perlu melakukan pekerjaan sampingan. Walaupun pekerjaan sampingan dapat menambah pendapatan seseorang, namun ia akan menyebabkan seseorang menjadi lebih penat dan lebih cenderung untuk mendapat stres. Selain itu, individu yang mengalami masalah kewangan cenderung untuk membuat pinjaman peribadi untuk membayar

pinjaman rumah, kereta dan lain-lain. Hal ini juga menyebabkan individu lebih mudah untuk mendapat stres.

Ferlis, Balan dan Rosnah (2009) juga mendapati bahawa masalah keluarga dan masalah kewangan merupakan punca stres yang paling utama kepada individu. Vijayen, Donatus dan Amelia (2010) yang mengkaji tahap dan punca stres terhadap 123 orang pelajar IPG kampus Keningau mendapati bahawa faktor masalah peribadi yang meliputi masalah keluarga dan masalah kewangan merupakan faktor yang menyebabkan responden berasa stres.

Selain itu, Baharin dan Hamiza (2010) dalam kajiannya terhadap guru-guru di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia mendapati bahawa faktor masalah peribadi yang meliputi masalah keluarga dan masalah kewangan merupakan punca utama guru berasa stres dan faktor ini mencatatkan tahap stres yang paling tinggi.


Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, kebanyakan kajian yang dijalankan mendapati bahawa faktor masalah peribadi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada stres guru dan faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru. Oleh itu, penyelidik membuat hipotesis :

Hipotesis empat (H4) :

Faktor masalah peribadi mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

2.10 Kerangka teoritikal

Berdasarkan kajian-kajian yang telah disorot di atas dan juga teori yang diguna pakai dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bersandar adalah stres guru, manakala pemboleh ubah tak bersandar dalam kajian ini adalah beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi. Kerangka model kajian ini ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 2. Kerangka teoritikal

Rajah 2. menunjukkan rajah kerangka teoritikal yang menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar iaitu beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu stres guru. Kerangka teoritikal ini dibentuk berdasarkan model stres guru yang dikemukakan oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995).

2.11 Kesimpulan

Bab ini telah membicarakan dan menerangkan beberapa penemuan dan dapatan kajian sorotan para pengkaji lepas mengenai konsep dan teori penting dalam mengkaji hubungan antara beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi terhadap stres guru. Di samping itu, dinyatakan juga perkaitan kerangka teori kajian sebagai panduan bagi menjalankan kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian akan diteliti dan dibincangkan pada bab berikutnya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pengisian dalam bab ini adalah berkenaan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian yang dilakukan. Bab ini membincangkan dengan lebih lanjut mengenai reka bentuk kajian, instrumen kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, kajian rintis, dan kaedah analisis data yang digunakan semasa menjalankan kajian.

3.2 Rekabentuk Kajian

Menurut Piaw (2006) rekabentuk kajian adalah suatu perancangan bagi membolehkan kajian dijalankan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih bentuk kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan kaedah borang soal selidik. Rekabentuk kajian jenis ini dilihat amat sesuai dengan tujuan penyelidik iaitu untuk mengkaji tahap stres guru-guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor.

Kajian berbentuk kuantitatif dilihat sesuai digunakan dalam kajian ini. Hasil yang diperolehi daripada kaedah ini, menerusi teori dan hipotesis kajian, adalah berbentuk fakta yang berasaskan kepada bukti dan rekod-rekod tertentu.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data yang diperolehi adalah berdasarkan sumber data primer. Berdasarkan Sekaran (2006) data primer merupakan data yang diperolehi daripada suatu kajian yang berdasarkan sesuatu fenomena sebenar. Data ini diperolehi hasil daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Data primer meliputi responden yang terdiri daripada individu atau kelompok, hasil penelitian terhadap suatu fenomena dan hasil daripada suatu kajian yang telah dilakukan. Kaedah yang biasa dilakukan adalah melalui kaedah tinjauan dan penelitian.

3.4 Populasi dan Sampel

Kajian ini menjadikan guru-guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam Daerah Kota Tinggi, Johor, sebagai kumpulan sasaran. Rasional menjadikan guru-guru Sekolah Menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi sebagai kumpulan sasaran adalah kerana masih tiada lagi kajian tentang stres dalam kalangan guru di kawasan ini.

Dalam pemilihan sampel atau responden, penyelidik menggunakan persampelan rawak mudah ataupun "*simple random sampling*". Rasional pemilihan teknik ini adalah kerana bilangan populasi tidak terlalu besar dan sifat populasi yang bersifat homogen. Secara umumnya, kaedah persampelan rawak mudah merupakan satu proses pemilihan satu sampel berdasarkan unit asas atau unsur yang dipilih secara rawak.

Jumlah sekolah menengah dan jumlah guru di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi adalah seperti jadual 3.1 di bawah :-

Jadual 3.1
Jumlah responden

Bilangan	Sekolah	Jumlah Guru
1	SMK Bandar Easter	62
2	SMK Lokman Hakim	44
3	SMK Seri Aman	40
4	SMK Linggiu	26
5	SMK Adela	70
6	SMK Semenchu	59
7	SMK Air Tawar	68
8	SMK Bandar Mas	65

Jumlah bilangan guru-guru di Sekolah Menengah di kawasan FELDA dalam Daerah Kota Tinggi ialah seramai 434 orang. Maklumat data statistik jumlah guru ini di ambil pada tarikh 2 April 2015 daripada laman sesawang Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan juga di ambil berdasarkan temuramah antara penyelidik dengan Pengetua dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran sekolah terbabit. Justeru itu, pemilihan bilangan sampel yang diperlukan bagi populasi 434 orang adalah sebanyak 201 orang (Sekaran, 2003).

3.5 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah kaedah kuantitatif yang menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrument kajian. Penyelidik lebih mudah memperolehi data yang tersusun dan jelas melalui borang soal selidik. Selain itu, melalui borang soal selidik juga, penyelidik akan lebih mudah untuk bekerjasama

dengan responden. Hal ini disokong oleh Tuckman, (1988) yang menyatakan bahawa kerjasama daripada responden lebih mudah diperolehi melalui kaedah soal selidik. Soal selidik yang dibentuk dengan merujuk pendapat beberapa pakar berasaskan binaan soal selidik yang sudah ada.

3.5.1 Kriteria Borang Soal Selidik

Dalam kajian ini, borang selidik meliputi tiga (3) bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Jadual 3.2 dan Jadual 3.3 menunjukkan kriteria yang digunakan oleh penyelidik.

Jadual 3.2
Kriteria Borang Soal Selidik

Bahagian	Kriteria Soalan
A	Soalan meliputi ciri-ciri demografi responden :- Umur, jantina, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan, kelayakan akademik, agama, keturunan, dan sekolah.
B	Soalan mengukur stres guru-guru.
C	Soalan berkaitan punca stres guru (beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi)

Jadual 3.3
Instumentasi Borang Soal Selidik

Pembolehubah	Bilangan	Penulis
Stres guru	18	Anwar Faiz (2011)
Beban tugas	9	<i>Administrative Stress Index (ASI)</i> dalam Azizi et al (2010).
Karenah pelajar	8	<i>Teacher Stress Inventory (TSI)</i> Boyle et al. (1995) dalam Azizi dan Kim (2007).
Hubungan interpersonal	12	<i>Administrative Stress Index (ASI)</i> dalam Azizi et al (2010).
Masalah peribadi (keluarga dan kewangan)	13	Valarmathy (2014).

Dua jenis skala digunakan dalam kajian ini. Bahagian A menggunakan Skala Nominal manakala Bahagian B dan C menggunakan Skala Likert 5 mata (*5 point Likert Scale*) iaitu skala 1 mewakili sangat tidak setuju, skala 2 mewakili sangat tidak setuju, skala 3 mewakili tidak pasti, skala 4 mewakili setuju, dan skala 5 mewakili sangat setuju. Set penuh soal selidik adalah seperti di dalam lampiran A.

3.6 Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)

Menurut Kerlinger dan Lee (2001) kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan. Manakala menurut Mohd Majid (2000) kesahihan sesuatu alat pengukuran atau instrumen merujuk kepada sejauh mana instrumen berkenaan dapat mengukur aspek yang diperlukan.

Oleh itu, untuk menentukan kebolehpercayaan, ujian *Cronbach`s Alpha* dijalankan bagi menentukan kesahihan dalaman (Churchill, 1979). Kaedah ini mengandaikan bahawa setiap item dianggap sebagai satu ujian yang setara dan semua korelasi antara item yang diukur adalah sama. Seandainya nilai (r) menunjukkan nilai yang tinggi, maka instrumen yang digunakan adalah tinggi nilai kebolehpercayaannya (Ary, Jacob & Razavieeh, 1996). Jadual 3.4 menunjukkan tahap bacaan nilai *Alpha Cronbach*.

Jadual 3.4
Pekali Alpha Cronbach

Nilai bacaan	Tahap bacaan
< 0.60	Lemah
0.60 hingga < 0.7	Sederhana/diterima
0.7 hingga < 0.8	Baik
0.8 hingga < 0.9	Sangat baik
> 0.9	Kuat

Sumber: Hair dan rakan-rakan. (2006); Sekaran, U. (2006)

Dalam proses ujian kebolehpercayaan ini, penyelidik telah menjalankan kajian ke atas 20 responden yang terdiri daripada guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Datuk, Kota Tinggi, Johor. Hal yang demikian adalah bertujuan untuk mengukur sejauh mana tahap kefahaman responden terhadap arahan dan item-item yang terkandung dalam borang soal selidik tersebut. Segala maklum balas diambil kira oleh penyelidik bagi memperbaiki kelemahan soalan.

Berdasarkan ujian yang dilakukan, nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi kesemua 60 item ialah 0.799 manakala nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi setiap faktor stres kerja ditunjukkan dalam Jadual 3.5 :

Jadual 3.5
Nilai Alpha Cronbach ujian rintis.(n=20)

Pemboleh ubah	<i>Croanbach Alpha ujian rintis</i>
Stres guru	0.846
Beban tugas	0.652
Karenah pelajar	0.840
Hubungan interpersonal	0.629
Masalah peribadi	0.756

3.7 Teknik Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 21.0)*. Berikut merupakan teknik statistik yang digunakan untuk menganalisis data.

3.7.1 Analisis Faktor

Analisis faktor adalah satu alat pengukuran untuk menyelidik perkara asas dan hubungan di setiap pemboleh ubah bagi tujuan mengecilkan faktor-faktor yang terlibat (Hair dan rakan-rakan, 1998). Menurut Johnson dan Wichern (1992) yang dimaksud dengan analisis faktor adalah untuk pembangunan dari Analisis Komponen Utama (AKU) supaya lebih terperinci dan teratur dan memeriksa konsisten data. Dalam melakukan analisis faktor, terdapat dua isu utama yang perlu diberi perhatian dalam menentukan samada set data yang diperolehi adalah sesuai digunakan dalam analisis faktor iaitu saiz sampel dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah atau item (Pallant, 2011). Beberapa andaian yang akan dijalankan untuk analisis faktor adalah seperti berikut:

- a) Nilai keputusan ujian *Kaiser-Meyer Olkin (KMO)* yang melebihi 0.5 adalah diterima
- b) Nilai keputusan ujian *Bartlett's* seharusnya signifikan atau sekurang-kurangnya 0.05.
- c) Nilai *Factor Loading* daripada 0.3 dan 0.4 adalah rendah manakala nilai 0.5 dan ke atas adalah terbaik.

Menurut Hair (1998), nilai *factor loading* +/- 0.30 adalah rendah, nilai *factor loading* +/- 0.40 adalah lebih baik dan nilai *factor loading* +/- 0.50 adalah paling signifikan atau terbaik. Oleh itu, penyelidik memilih nilai *factor loading* 0.5 kerana untuk mencapai keputusan kajian yang terbaik.

3.7.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merupakan aktiviti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan data yang telah dikumpulkan untuk menganalisis data tersebut. (Mohd Majid, 2000)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengutipan borang soalan kaji selidik, data-data ini akan diproses menggunakan program perisian komputer iaitu SPSS. Program ini digunakan untuk membantu mendapatkan nilai kekerapan, mod, min, median dan sisihan piawai. Nilai skor min yang kurang daripada 3 { $6/3 +$ nilai terkecil (1)} menunjukkan skor min tersebut adalah di tahap rendah. Sekiranya skor min ialah 5 {highest value (7) – $6/3$ } menunjukkan skor min adalah di tahap tinggi dan sekiranya skor min adalah di antara 3 dan 5 maka skor min tersebut adalah di tahap yang sederhana.

3.7.3 Analisis Korelasi Pearson

Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan linear di antara pemboleh ubah (Pallant, 2001). Dalam ujian ini mengandungi tiga bentuk hubungan iaitu (i) hubungan positif; (ii) hubungan negatif dan (iii) tiada hubungan di antara pemboleh ubah. Menurut Hinkle, Wiersma, dan Jurs (1998) saiz korelasi dapat dijelaskan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 3.6
Interpretasi nilai pekali korelasi

Nilai korelasi	Kekuatan Hubungan
$\pm 0.91 - \pm 1.00$	Sangat kuat
$\pm 0.71 - \pm 0.90$	Tinggi
$\pm 0.41 - \pm 0.70$	Sederhana
$\pm 0.21 - \pm 0.40$	Rendah
$\pm 0.01 - \pm 0.20$	Sangat lemah

Sumber: Hair dan rakan-rakan. (2003)

3.7.4 Analisis Regresi

Analisis regresi merupakan cara menganalisis data yang memanfaatkan hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih. Tujuan analisis regresi dilakukan adalah untuk menyelidik pola hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar dan pemboleh ubah bersandar serta menguji ramalan satu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah yang lain. Analisis regresi merupakan analisis yang fleksibel dan sesuai digunakan untuk menentukan hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar (Khaled, 2013).

3.8 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan dan menerangkan metodologi kajian dari segi reka bentuk kajian, sampel kajian, pengoperasian pemboleh ubah, instrumen, dan analisis data. Seterusnya, analisis data dan perbincangan kajian diteliti dan dibincangkan pada bab seterusnya.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang hasil analisis data yang diperolehi hasil daripada kutipan data borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis melalui perisian *SPSS Version 21.0* dan analisis dilakukan berasaskan kepada objektif kajian dan hipotesis. Huraian adalah berdasarkan analisis statistik yang bermula dengan analisis deskriptif, analisis faktor, ujian kebolehpercayaan, ujian normality, ujian korelasi, dan ujian regresi.

4.2 Kutipan Data

Bagi proses kutipan data, sebanyak 230 borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah menengah dalam kawasan FELDA di daerah Kota Tinggi. Daripada 230 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 185 (80.4%) borang yang telah dikembalikan oleh responden.

4.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif ialah kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam menyusun dan membuat interpretasi terhadap data mentah (Malim dan Birch, 1997). Analisis ini adalah teknik yang digunakan untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan daripada data atau bahan mentah yang diperolehi. Berdasarkan analisis deskriptif, penyelidik dapat menjelaskan maklumat berkenaan maklumat peribadi responden yang terlibat

iaitu umur, jantina, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan, kelayakan akademik, agama, dan keturunan.

4.3.1 Bahagian A : Maklumat Peribadi

Jadual 4.1

Maklumat latar belakang responden (n=185)

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratus
Umur		
Bawah 25	1	0.5
Di antara 25 – 34	72	38.9
Di antara 35 – 44	79	42.7
Di antara 45 – 54	31	16.8
55 dan keatas	2	1.1
Jantina		
Lelaki	39	21.1
Perempuan	146	78.9
Status perkahwinan		
Bujang	19	10.3
Berkahwin	162	87.6
Bercerai	4	2.2
Tempoh perkhidmatan		
Bawah 2 tahun	14	7.6
2 hingga 4 tahun	15	8.1
5 hingga 7 tahun	32	17.3
8 hingga 10	22	11.9
Lebih 10 tahun	102	55.1
Kelayakan akademik		
SRP/PMR	0	0
SPM	2	1.1
STPM	2	1.1
Diploma	6	3.2
Ijazah	165	89.2
Sarjana/PHD	10	5.4
Agama		
Islam	184	95.5
Hindu	1	0.5
Keturunan		
Melayu	183	98.9
Cina	1	0.5
India	1	0.5

Jadual 4.1 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut maklumat latar belakang responden. Responden tertinggi adalah golongan yang berumur di antara 35 hingga 44 tahun iaitu seramai 79 orang (42.7%). Kedua tertinggi ialah responden yang berumur antara 25 hingga 34 tahun iaitu seramai 72 orang (38.9%). Sementara responden berumur di antara 45 hingga 54 tahun ialah seramai 31 orang (16.8%). Responden yang berumur 55 tahun dan ke atas ialah seramai dua orang (1.1%) manakala responden yang berumur bawah 25 tahun adalah responden yang paling sedikit iaitu hanya seorang (0.5%).

Berkenaan dengan jantina, majoriti responden merupakan guru perempuan iaitu seramai 146 orang (78.9%) manakala responden lelaki berjumlah 39 orang (21.1%). Berkenaan dengan status perkahwinan, majoriti responden telah berkahwin dengan jumlah sebanyak 162 orang (87.6%), manakala yang belum berkahwin adalah sebanyak 19 orang (10.3%), diikuti seramai empat orang (2.2%) responden yang telah bercerai.

Berkenaan dengan tempoh perkhidmatan, responden yang telah berkhidmat lebih 10 tahun merupakan yang tertinggi iaitu 102 orang (55.1%). Responden yang sedang berkhidmat bawah 2 tahun adalah seramai 14 orang (7.6%), responden yang sedang berkhidmat dari tempoh 2 hingga 4 tahun ialah seramai 15 orang (8.1%), responden yang sedang berkhidmat selama 5 hingga 7 tahun ialah seramai 32 orang (17.3%), dan responden yang sedang berkhidmat selama 8 hingga 10 tahun ialah seramai 22 orang (11.9%).

Berkenaan dengan kelayakan akademik pula, majoriti responden memiliki Ijazah iaitu seramai 165 orang (89.2%), diikuti responden yang memiliki Sarjana ialah seramai 10 orang (5.4%). Responden yang memiliki kelayakan Diploma merupakan yang ketiga teramai dengan bilangan sebanyak 6 orang (3.2%), manakala responden yang memiliki kelayakan SPM dan STPM masing-masing mencatatkan bilangan seramai 2 orang sahaja (1.1%).

Berkenaan dengan agama, responden yang beragama Islam adalah yang paling ramai dengan jumlah 184 orang (95.5%) dan terdapat seorang responden (0.5%) yang beragama Hindu. Akhir sekali, berkenaan dengan keturunan, responden yang berketurunan Melayu merupakan golongan majoriti dalam kajian ini yang mana jumlah responden ialah sebanyak 183 orang (98.9%), manakala responden berketurunan Cina dan India masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak seorang (0.5%).

4.4 Analisis Faktor

Dalam bahagian analisis faktor, sebanyak 42 soalan bagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi manakala bagi pemboleh ubah bersandar iaitu stress guru, terdapat 18 soalan yang perlu dijalankan analisis faktor. Selepas menjalankan analisis faktor, hanya item soalan yang tidak disingkirkan sahaja akan diambil untuk analisis deskriptif bagi bahagian B dan C.

4.4.1 Analisis faktor bahagian B (Stres Guru)

Jadual 4.2

Analisis faktor ke atas pemboleh ubah bersandar (n=185)

Bil	Item	Factor loading
1	Saya selalu sakit kepala.	0.828
2	Saya sentiasa mengalami tempoh pemulihan yang perlahan akibat keadaan yang tertekan	0.818
3	Saya selalu mengalami ketidakstabilan emosi.	0.873
4	Saya selalu merasa sangat tertekan menjadi seorang guru.	0.783
<i>Eigenvalue</i>		4.761
<i>Peratus Variance</i>		64.468
<i>Bartlett</i>		0.000
<i>Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)</i>		0.896

Daripada 18 item dalam bahagian B (stres guru), hanya empat sahaja yang dikekalkan dan sesuai digunakan untuk kajian ini iaitu item 3, item 5, item 7, dan item 9. Terdapat 14 item yang perlu disingkirkan oleh penyelidik atas sebab nilai *communalities* yang kurang dari 0.5 dan untuk mendapatkan soalan borang selidik yang lebih sempurna. Keputusan kajian adalah berdasarkan jadual 4.2.

Berdasarkan Jadual 4.2 menunjukkan analisis faktor ke atas stres guru. Keputusan mendapati bahawa semua *factor loading* melebihi 0.7 yang mana lebih besar daripada 0.50, maka mencapai *significant loading* (Hair dan rakan-rakan, 1998). Bagi keputusan *eigenvalue* adalah 2.729, maka lebih besar daripada 1.0. Bagi mencapai keputusan ujian yang diterima, nilai *eigenvalue* mestilah melebihi angka satu (Coakes dan rakan-rakan, 2009). Nilai *variance* ialah 68.218%. Nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* adalah 0.809 iaitu diterima. Menurut Hair dan rakan-rakan (2006), nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* melebihi 0.5 adalah diterima. Bagi analisis ujian *Bartlett* adalah signifikan di mana nilai $p = 0.000$. Menurut Bartlett (1954) yang dipetik daripada Pallant (2011) menyatakan bahawa nilai yang diperolehi perlu signifikan iaitu $p < 0.05$.

4.4.1 Analisis faktor bahagian C (Faktor stress guru)

Jadual 4.3

Analisis faktor ke atas pemboleh ubah tak bersandar (n=185)

Item	Item	Factor loading	Factor loading	Factor loading	Factor loading
	Beban tugas				
1.*	Saya diberikan masa yang mencukupi untuk menyiapkan sesuatu tugas.	0.626			
2.*	Saya tidak diberi terlalu banyak kerja dalam satu masa	0.600			
3.*	Tugas yang diberikan kepada saya dalam sehari tidak semestinya diselesaikan pada hari ini juga.	0.526			
	Karenah pelajar				
4.	Saya kerap berhadapan dengan pelajar yang tidak menyiapkan tugas.		0.635		
5.	Saya mempunyai pelajar yang mempunyai sikap yang negatif terhadap pengajaran.		0.584		
6.	Pelajar saya kerap kali tidak mengikut arahan.		0.615		
7.	Pelajar kerap membuat bising semasa pengajaran.		0.577		
	Hubungan interpersonal				
8.	Rakan sekerja saya sentiasa memberikan kerjasama yang sepenuhnya apabila melakukan tugas bersama.			0.818	
9.	Pihak pentadbir (Pengetua/Pen. Kanan/Ketua Bidang) sentiasa memberikan sokongan kepada setiap projek yang saya lakukan.			0.692	
	Masalah peribadi				
10.	Saya dan suami / isteri kerap bertengkar mengenai penglibatan yang berlebihan dalam kerja.				0.641
11.	Saya tidak meluangkan masa bersama anak-anak.				0.734
12.	Saya menghadapi masalah penjagaan anak-anak.				0.679
13.	Saya menghadapi masalah dengan ibu bapa mertua.				0.704
14.	Saya dibelenggu oleh hutang peribadi (kawan-kawan, saudara-mara, dan orang lain).				0.582
15.	Saya menghadapi beban hutang yang banyak dengan institusi kewangan.				0.603
<hr/>					
	<i>Eigenvalue</i>				4.332
	<i>Peratus Variance</i>				65.832
	<i>Bartlett</i>				0.000
	<i>Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)</i>				0.777

Nota *Reverse coded

Nilai *factor loadings* > .50 yang ditunjukkan.

Nilai *eigenvalues* yang >1 ditunjukkan.

Jadual 4.3 menunjukkan analisis faktor ke atas pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi). Daripada 42 item dalam bahagian C (faktor stres guru), hanya 15 sahaja item yang dikekalkan dan sesuai digunakan untuk kajian ini iaitu item 1, item 2, dan item 7 (faktor beban tugas), item 12, item 13, item 14, dan item 17 (faktor karenah pelajar, item 22 dan item 27 (faktor hubungan interpersonal) dan item 33, item 34, item 35, item 36, item 37, dan item 38 (faktor masalah peribadi) . Terdapat 27 item yang perlu disingkirkan oleh penyelidik atas sebab nilai *communalities* yang kurang dari 0.5 dan untuk mendapatkan soalan borang selidik yang lebih sempurna.

Berdasarkan jadual 4.3, keputusan menunjukkan bahawa semua nilai *factor loading* melebihi 0.5 iaitu lebih besar daripada 0.50, maka mencapai *significant loading* (Hair *et al.*, 1998). Bagi keputusan *eigenvalue* adalah 4.653, maka lebih besar daripada 1.0. Bagi mencapai keputusan ujian yang diterima, nilai *eigenvalue* mestilah melebihi angka satu (Coakes *et.al*, 2009). Nilai *variance* ialah 62.758%. Nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* adalah 0.798 iaitu diterima. Menurut Hair (2006), nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* melebihi 0.5 adalah diterima. Bagi analisis ujian Bartlett adalah signifikan di mana nilai $p = 0.000$. Menurut Bartlett (1954) yang dipetik daripada Pallant (2011) menyatakan bahawa nilai yang diperolehi perlu signifikan iaitu $p < 0.05$.

4.5 Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan

Analisis ujian kebolehpercayaan dijalankan bagi memastikan hasil keputusan daripada borang soal selidik tersebut mampu mewakili pemboleh ubah yang seterusnya menjawab persoalan kajian. Data kajian yang diperolehi adalah daripada 185 orang responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi.

Jadual 4.4
Nilai Cronbach Alpha bagi pemboleh ubah

Pembolehubah	Cronbach Alpha kajian rintis (n=20)	Cronbach Alpha kajian sebenar (n=185)
Stres guru	0.846	0.844
Beban tugas	0.652	0.672
Karenah pelajar	0.840	0.846
Hubungan interpersonal	0.629	0.555
Masalah peribadi	0.756	0.853

Jadual 4.5
Pekali Cronbach Alpha

Nilai bacaan	Tahap bacaan
< 0.60	Lemah
0.60 hingga < 0.7	Sederhana/diterima
0.7 hingga < 0.8	Baik
0.8 hingga < 0.9	Sangat baik
> 0.9	Kuat

Sumber: Hair dan rakan-rakan. (2006); Sekaran, U. (2006)

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, menunjukkan bahawa kesemua nilai alpha pemboleh ubah adalah baik iaitu melebihi 0.7 (Hair *et al.* 2006; Sekaran, U. 2006). Nilai alpha bagi pembolehubah bersandar iaitu stress guru adalah 0.844 (sangat baik). Manakala nilai alpha bagi pemboleh ubah tak bersandar iaitu faktor beban tugas, 0.672

(sederhana), faktor karenah pelajar, 0.846 (sangat baik), faktor hubungan interpersonal, 0.555 (lemah), dan faktor masalah peribadi, 0.853 (sangat baik). Terdapat peningkatan nilai *Cronbach Alpha* daripada kajian rintis kepada ujian sebenar kecuali bagi pemboleh ubah bersandar iaitu stress guru. Namun begitu, terdapat satu pemboleh ubah yang terpaksa disingkirkan kerana mencatatkan nilai alpha yang lemah iaitu faktor hubungan interpersonal, (0.555).

4.6 Statistik Deskriptif Pemboleh Ubah

Analisis deskriptif dalam kajian ini digunakan untuk menentukan tahap pencapaian faktor beban kerja, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi terhadap stres dalam kalangan guru sekolah menengah di kawasan FELDA di daerah Kota Tinggi, Johor. Hasil statistik deskriptis adalah seperti dalam jadual 4.6 di bawah:

Jadual 4.6

Statistik deskriptif pemboleh ubah-pembolehubah (n = 185)

Pembolehubah	Min*	Sisihan piawai
Stres guru	2.894	0.901
Beban tugas	3.063	0.799
Karenah pelajar	2.946	0.688
Masalah peribadi	1.300	0.251

Nota: * Skala Likert 5 mata

Berdasarkan skala Likert 5 mata, responden menyatakan bahawa stres guru adalah pada tahap sederhana (min = 2.894 dengan sisihan piawai 0.901). Responden juga melaporkan bahawa faktor beban tugas berada pada tahap sederhana (min = 3.063

dengan sisihan piawai 0.799), yang menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa mereka melakukan kerja yang banyak. Sementara itu, purata bagi karenah pelajar pula ialah 2.946 dengan sisihan piawai 0.688. Ini menunjukkan bahawa faktor karenah pelajar juga pada tahap sederhana semasa guru-guru melakukan kerja mereka. Manakala purata bagi faktor masalah peribadi ialah 1.300 dengan sisihan piawai 0.251 pula menunjukkan bahawa responden bersetuju melaporkan bahawa masalah peribadi mereka berada pada tahap yang rendah.

4.7 Ujian Normaliti

Ujian normaliti kajian ini menggunakan kaedah statistik skewness dan kurtosis iaitu dengan mengandaikan semua pemboleh ubah adalah normal jika nilai skewness dan kurtosis berkedudukan kurang daripada ± 2.58 (Hair et al., 1998). Hasil analisis bagi taburan normal data ditunjukkan pada Jadual 4.7.

Jadual 4.7
Keputusan Ujian Normaliti ($n=185$)

Pembolehubah		Nilai statistic	Kesimpulan
Stres guru	Skewness	0.089	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-1.732	
Beban tugas	Skewness	-0.112	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-1.859	
Karenah pelajar	Skewness	1.330	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-2.149	
Masalah peribadi	Skewness	2.520	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-1.625	

Keputusan kajian menunjukkan nilai skewness dan kurtosis bagi semua pemboleh ubah berada pada kedudukan yang baik dan mencapai tahap kenormalan seperti yang disarankan Hair et al (1998) iaitu nilai skewness dan kurtosis berkedudukan kurang daripada ± 2.58 .

4.8 Ujian Korelasi Pearson

Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan linear di antara pemboleh ubah. Hasil analisis ini menjadi asas bagi menjawab persoalan kajian dan menentukan hipotesis disokong atau tidak disokong. Jadual 4.14 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson bagi ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut.

Jadual 4.8
Analisis Korelasi Pearson (n=185)

Pemboleh ubah	Stres Guru	Beban tugas	Karenah pelajar	Masalah peribadi
Stres guru	-			
Beban tugas	.277**	-		
Karenah pelajar	.696**	.231**	-	
Masalah peribadi	.307**	.149*	.315**	-

** Korelasi adalah signifikan pada aras keertian 0.01 (1-hujung)

* Korelasi adalah signifikan pada aras keertian 0.05 (1-hujung)

Berdasarkan Jadual 4.8, hasil ujian korelasi menunjukkan semua pemboleh ubah adalah signifikan dan positif. Hasil keputusan analisis ujian korelasi bagi faktor beban tugas dengan stres guru ialah ($r = .277$, $p < 0.001$ iaitu 0.000). Nilai koefisien $r = 0.277$ menunjukkan bahawa hubungan antara beban tugas dengan stres guru adalah rendah, seperti yang disarankan oleh Hair et al. (2003).

Bagi faktor karenah pelajar dengan stres guru pula, hasil keputusan analisis ialah ($r = .696$, $p < 0.001$ iaitu 0.000). Nilai koefisien $r = 0.696$ menunjukkan bahawa hubungan antara tekanan kerja dan prestasi kerja adalah sederhana, seperti yang disarankan oleh Hair et al. (2003).

Manakala bagi faktor masalah peribadi dengan stres guru pula, hasil keputusan analisis ialah ($r = -.307$, $p < 0.001$ iaitu 0.000). Nilai koefisien $r = 0.307$ menunjukkan bahawa hubungan antara tekanan kerja dan prestasi kerja adalah rendah, seperti yang disarankan oleh Hair et al. (2003).

Di samping itu, berdasarkan keputusan ini maka tidak wujud multikolinearan (*multicollinearity*) kerana keputusan korelasi koefisien (r) adalah kurang daripada 0.80 (Berry dan Feldman, 1985). Maka dengan itu, analisis regresi boleh dijalankan ke atas setiap pemboleh ubah ini.

4.9 Ujian regresi berbilang

Analisis regresi berbilang (*multiple regressions*) digunakan untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat serta membuktikan hipotesis yang dibina oleh penyelidik. Keputusan analisis regresi berbilang (*multiple regression*) adalah seperti di bawah.

Jadual 4.9
Analisis regresi berbilang (n=185)

<i>Pemboleh ubah</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R</i>	<i>Unstandardized Coefficients</i>		<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig</i>	<i>Collinearity Statistics</i>	
			<i>B</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Beta</i>			<i>Tolerance</i>	<i>VIF</i>
(Constant)	.505	.497	-.388	.307		-1.266	.207		
Beban tugas			.130	.061	.115	2.139	.034	.940	1.064
Karenah pelajar			.840	.074	.642	11.420	.000	.866	1.155
Masalah peribadi			.315	.198	.088	1.590	.114	.894	1.118

Berdasarkan jadual 4.9, nilai adjusted R square ialah 0.497. Pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, dan masalah peribadi) hanya menyumbang sebanyak 49.7% terhadap pemboleh ubah bersandar (stres guru).

Bagi pemboleh ubah beban tugas, *Standardized coefficient Beta* (β) bagi faktor ini adalah signifikan dan positif iaitu mempunyai hubungan linear yang positif di antara faktor beban tugas dengan stres guru ($\beta = .115$, $p < 0.05$). Ini bermaksud hipotesis satu (H1) adalah disokong iaitu “Faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru”.

Bagi pemboleh ubah karenah pelajar, *Standardized coefficient Beta* (β) bagi faktor ini adalah signifikan dan positif iaitu mempunyai hubungan linear yang positif di antara faktor karenah pelajar dengan stres guru ($\beta = .642$, $p < 0.01$). Ini bermaksud hipotesis dua (H2) adalah disokong iaitu “Faktor karenah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru”.

Bagi pemboleh ubah masalah peribadi pula, *Standardized coefficient Beta* (β) bagi faktor ini adalah tidak signifikan iaitu tidak mempunyai hubungan linear yang positif di antara faktor masalah peribadi dengan stres guru ($\beta = .088, p > 0.05$). Ini bermaksud hipotesis tiga (H3) iaitu “Faktor masalah peribadi mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan stres guru ” adalah ditolak.

4.10 Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara pemboleh ubah bersandar iaitu stres guru dengan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu beban tugas, karenah pelajar, dan masalah peribadi. Ringkasan daripada kajian ini dapat dilihat pada Jadual 4.10.

Jadual 4.10
Ringkasan ujian hipotesis

No.	Hipotesis	Keputusan
H1	Faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru	Disokong
H2	Faktor karenah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru	Disokong
H3	Faktor masalah peribadi mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru	Ditolak

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab lima akan membincangkan tentang dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan keputusan ujian mengenai hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, dan masalah peribadi) terhadap pemboleh ubah bersandar (stres guru). Selepas itu, beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak yang berkaitan seperti pentadbir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, dan juga Kementrian Pendidikan Malaysia. Selain itu cadangan masa depan, batasan kajian dan kesimpulan bab turut diketengahkan.

5.2 Perbincangan Latar Belakang Responden

Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 185 orang guru dari sekolah menengah dalam kawasan FELDA di daerah Kota Tinggi, Johor. Sebanyak 230 set soal selidik diedarkan dan hanya 185 yang dipulangkan.

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden merupakan guru yang berumur antara 35 hingga 44 tahun iaitu 79 orang (42.7%) manakala responden yang berumur antara 25 hingga 34 tahun ialah responden yang kedua tertinggi iaitu seramai 72 orang (38.9%). Responden yang mempunyai lingkungan umur antara 45 hingga 54 tahun ialah sebanyak 31 orang (16.8%), dan responden berumur 55 tahun dan keatas

ialah sebanyak dua orang (1.1%), manakala hanya seorang sahaja responden (0.5%) berumur dibawah 25 tahun.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai daripada responden lelaki. Bilangan responden lelaki ialah seramai 39 orang (21.1%), manakala responden perempuan pula seramai 146 orang (78.9%).

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden yang telah berkahwin ialah seramai 162 orang (87.6%) manakala selebihnya masih bujang iaitu seramai 19 orang (10.3%). Terdapat juga responden yang telah bercerai iaitu seramai 4 orang (2.2%).

Hampir separuh daripada sampel kajian iaitu sebanyak 55.1 peratus, 102 orang merupakan guru yang sedang berkhidmat lebih dari 10 tahun, diikuti guru yang sedang berkhidmat selama 5 hingga 7 tahun ialah seramai 32 orang (17.3%), guru yang sedang berkhidmat selama 8 hingga 10 tahun ialah seramai 22 orang (11.9%), guru yang sedang berkhidmat dari tempoh 2 hingga 4 tahun ialah seramai 15 orang (8.1%), dan guru yang sedang berkhidmat bawah 2 tahun adalah yang paling sedikit iaitu seramai 14 orang (7.6%).

Berkenaan kelayakan akademik responden, hasil data menunjukkan bahawa majoriti responden memiliki Ijazah iaitu seramai 165 orang (89.2%), diikuti responden yang memiliki Sarjana ialah seramai 10 orang (5.4%). Responden yang memiliki kelayakan Diploma merupakan yang ketiga teramai dengan bilangan sebanyak 6

orang (3.2%), manakala responden yang memiliki kelayakan SPM dan STPM masing-masing mencatatkan bilangan seramai 2 orang sahaja (1.1%).

Berkenaan dengan agama responden, majoriti responden adalah beragama Islam dengan jumlah 184 orang (95.5%) dan terdapat juga seorang responden (0.5%) yang beragama Hindu.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden yang berketurunan Melayu merupakan golongan majoriti dalam kajian ini yang mana jumlah responden ialah sebanyak 183 orang (98.9%), manakala responden berketurunan Cina dan India masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak seorang (0.5%).

5.3 Perbincangan Objektif Kajian.

Kajian ini cuba untuk mengenalpasti sejauhmana pengaruh pemboleh ubah tak bersandar (beban tugas, karenah pelajar, dan masalah peribadi) terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu stres guru dalam kalangan guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi.

5.3.1 Objektif Kajian Pertama

Dalam kajian ini, objektif kajian pertama adalah untuk mengenalpasti hubungan antara beban tugas dengan stres guru. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan

positif dan signifikan. Ini berarti apabila beban tugas bertambah, stres guru akan meningkat; sebaliknya apabila beban tugas berkurang, maka stres guru akan berkurang.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Azizi dan Kim (2010) yang mengkaji stres dalam kalangan guru sekolah menengah aliran teknik di negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan, kajian Tajulashikin, Fazura, dan Burhan (2013) yang menjalankan kajian sebuah sekolah di Kuala Lumpur, kajian Johari dan Nornazifah (2010) dalam kajiannya di sekolah dalam Zon Permas Jaya, Johor, dan kajian Azrul (2009) yang mana kajian-kajian ini mendapati bahawa faktor beban tugas mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres guru.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong model stres guru yang dikemukakan oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni, (1995) yang menyatakan bahawa faktor beban tugas merupakan salah satu faktor yang dominan dalam menyebabkan stres dalam kalangan guru.

Berdasarkan jadual 4.3, didapati bahawa item-item pemboleh ubah yang bercirikan kesuntukan masa dan tugas yang secocok atau tidak menunjukkan beban tugas yang tinggi. Hasil analisis menunjukkan bahawa tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas perlu diberikan perhatian. Jika sesuatu tugas dibuat secara tergesa-gesa dan tidak mempunyai masa yang cukup, pekerja akan keletihan dan tertekan. Selain itu, guru-guru juga perlu diberikan kerja yang sesuai dengan profesion mereka. Apabila guru diberikan tugas yang tidak secocok dengan mereka, hal ini akan menyebabkan mereka hilang minat dan mudah terjebak kepada stres.

5.3.2 Objektif Kajian Kedua

Dalam kajian ini, objektif kajian yang kedua adalah untuk mengenalpasti hubungan antara karenah pelajar dengan stres guru. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan positif dan signifikan. Ini bererti apabila pelajar terlalu banyak karenah, stres guru akan meningkat; sebaliknya apabila karenah pelajar berkurang, maka stres guru akan berkurang.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Mohamad Abdillah dan Woo (2010) terhadap 50 orang guru Sjk (C) di Wilayah Persekutuan, kajian Klassen dan Chiu (2010) dalam Tajulashikin (2013) yang membuat kajian terhadap guru di Kanada dan kajian Abdul Rahim (2002) dalam Baharin dan Mariam (2010), yang mana kajian-kajian ini mendapati bahawa faktor karenah pelajar sememangnya mempengaruhi stres guru.

Selain itu, dapatan kajian ini juga menyokong model stres guru yang dikemukakan oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni, (1995) yang menyatakan bahawa karenah pelajar merupakan salah satu faktor yang dominan dalam menyebabkan stres dalam kalangan guru.

Berdasarkan jadual 4.12, didapati bahawa item-item pemboleh ubah yang bercirikan karenah pelajar yang tidak menyiapkan tugas dan mempunyai sikap negatif terhadap pelajaran menunjukkan darjah karenah pelajar yang tinggi. Hasil analisis menunjukkan guru berasa stres kerana mereka terpaksa berhadapan dengan pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap pelajaran dan tidak menyiapkan tugas

yang diberikan. Apabila perkara sebegini kerap berlaku, guru-guru akan berasa bosan dan tertekan kerana kurang mendapat kerjasama dan komitmen daripada para pelajar. Selain itu, hasil analisis juga mendapati bahawa guru berasa stres kerana pelajar kerap membuat bising sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dan pelajar kerap kali enggan mengikut arahan yang diberikan.

5.3.3 Objektif Kajian Ketiga

Dalam kajian ini, objektif kajian ketiga adalah untuk mengenalpasti hubungan antara masalah peribadi dengan stres guru. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan yang tidak signifikan. Ini bererti masalah peribadi tidak mempengaruhi stres dalam kalangan responden. Dapatan kajian ini tidak menyokong hipotesis yang dibentuk. Dapatan kajian ini juga tidak menyokong Model Stres Kerja Cooper (1981) dalam Kim (2006) yang menyatakan bahawa salah satu daripada enam punca stres yang utama ialah masalah peribadi.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan yang diperolehi oleh Vijayen, Donatus dan Amelia (2010) yang mengkaji tahap dan punca stres terhadap 123 orang pelajar IPG kampus Keningau, kajian Baharin dan Hamiza (2010) yang mengkaji faktor-faktor mendorong stres dalam kalangan guru-guru di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, dan juga kajian oleh Valarmathy (2014) yang mendapati bahawa faktor masalah peribadi yang dihadapi oleh seseorang mempunyai hubungan yang signifikan dengan stres.

Berdasarkan jadual 4.12, didapati bahawa guru-guru menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan item-item yang menunjukkan mereka menghadapi masalah keluarga, masalah antara suami isteri, dan masalah penjagaan anak-anak. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan item yang menggambarkan mereka menghadapi beban hutang dengan kawan-kawan dan institusi kewangan yang lain.

5.4 Batasan Kajian.

Kajian ini tertumpu kepada empat faktor atau pemboleh ubah tak bersandar iaitu faktor beban tugas, karenah pelajar, hubungan interpersonal, dan masalah peribadi. Terdapat banyak lagi faktor yang menyumbang kepada stres dalam kalangan warga pendidik tetapi tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru sekolah menengah dalam kawasan FELDA di daerah Kota Tinggi, Johor sahaja. Oleh itu, sejauh mana dapatan kajian ini dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar perlu dibuktikan.

Hasil yang diperolehi daripada kajian ini bergantung kepada kejujuran dan ketelusan responden. Oleh itu, wujud kemungkinan bahawa maklumat yang diberikan oleh responden adalah kurang tepat tentang diri mereka.

5.5 Implikasi dan saranan

Stres yang dihadapi oleh guru-guru akan menyebabkan mereka bekerja dalam keadaan yang tidak gembira, mereka tidak mendapat keseronokan dalam bekerja, seterusnya akan membuatkan mereka tidak memberikan komitmen yang tinggi terhadap kerja yang dilakukan. Stres bukan sahaja memberi implikasi negatif terhadap prestasi guru, malah turut akan menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup mereka. Selain itu, stres turut memberi implikasi negatif kepada sekolah dan para pelajar. Sekiranya guru-guru pun bermasalah, sudah tentu hasil kerja mereka untuk menghasilkan para pelajar yang berintelektual dan bersahsiah mulia akan terjejas seterusnya akan menyebabkan pencapaian para pelajar dan juga sekolah akan merosot. Justeru, kajian ini diharap mampu memberi implikasi terhadap pihak-pihak yang berkaitan agar mereka dapat merangka dan melaksanakan pelbagai langkah proaktif supaya dapat mengatasi ataupun paling tidak, dapat mengurangkan stres dalam kalangan guru.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka harus sedar bahawa terdapat sebilangan guru yang menjadikan profesion guru ini sebagai pilihan terakhir ataupun menjadi guru kerana terpaksa akibat desakan ibu bapa. Oleh itu, apabila mereka memasuki alam pekerjaan dalam profesion guru ini, mereka sangat mudah berasa stres. Kementerian Pendidikan Malaysia harus memperhalusi syarat-syarat pengambilan guru pada masa akan datang seperti mengadakan pelbagai saringan sebelum seseorang dipilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan. Hal yang sedemikian sangat penting supaya bakal guru yang dipilih benar-benar

mempunyai kelayakan dan benar-benar bersedia dari aspek fizikal dan mental untuk menghadapi cabaran dalam bidang perguruan.

Kajian ini turut berguna kepada pihak pentadbir sekolah (pengetua dan penolong kanan). Mereka boleh mengadakan aktiviti atau program yang dapat mengeratkan silaturrahim antara pentadbir, guru-guru, dan juga para pelajar dan juga ibu bapa. Melalui aktiviti ini, mereka boleh bertukar-tukar pendapat, mengenali antara satu sama lain, melupakan seketika hal kerja, dan lain-lain lagi. Program-program sebegini dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan juga persekitaran kerja yang baik sekaligus dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh guru.

Bagi mengatasi masalah karenah pelajar yang semakin rumit, peraturan yang sedia ada di sekolah perlu dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan tegas. Hal yang demikian dapat mendidik murid-murid terutama pelajar yang bermasalah agar lebih berdisiplin.

Bagi guru-guru pula, mereka perlu mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, mereka perlu menjaga amalan pemakanan. Guru-guru perlu mengambil makanan yang seimbang serta banyak meluangkan masa bersama keluarga dan orang tersayang. Guru-guru juga perlu mengelakkan gaya hidup yang negatif seperti merokok, minum arak, berhibur di kelab malam dan sering tidur lewat. Hal yang demikian penting bagi memastikan fizikal dan mental guru sentiasa berada pada tahap terbaik sebelum memulakan tugas. Badan yang cergas

dan minda yang cerdas akan membuat seseorang sentiasa tenang dan sukar mendapat stres.

Kaedah lain untuk mengurangkan stres ialah melalui kaedah spiritual iaitu dengan menggunakan pendekatan Islam. Seperti yang kita ketahui, Islam merupakan sebaik-baik agama dan cara terbaik mengatasi stres adalah dengan sentiasa mendekati diri kepada Allah. Sebagai contoh dengan berzikir. Berzikir mampu membuatkan hati seseorang menjadi tenang. Dalam hal ini, Allah SWT memberi jaminan bahawa mereka yang sentiasa mengingati-Nya akan mendapat ketenangan hati. Allah SWT berfirman dalam surah al-Rad, 13: 28 yang bermaksud, "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah Dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia".

Selain itu, membaca al-Quran juga merupakan cara yang paling mujarab untuk menghilangkan stres dan juga menenangkan jiwa. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Al-Quran adalah penawar kepada kesakitan minda". (Hadis riwayat Bukhari).

Disamping itu, guru-guru harus sentiasa muhasabah diri. Mereka tidak seharusnya sentiasa mengeluh kerana beban tugas yang banyak dan terpaksa melayan karenah pelajar yang berbagai ragam. Mereka perlu memikirkan semula tentang niat sebenar mereka untuk menjadi guru. Sekiranya mereka sedar tentang niat, visi, misi, tanggungjawab dan amanah yang diberikan, mereka akan sentiasa berfikiran positif dan sentiasa tenang dalam menghadapi apa sahaja cabaran.

5.6 Cadangan kajian untuk penyelidik masa depan.

Kajian ini hanya tertumpu kepada responden dalam kalangan sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi sahaja. Pada masa akan datang, kajian boleh dilakukan di semua sekolah menengah dalam kawasan FELDA di seluruh daerah di negeri Johor. Selain itu, kajian akan datang juga disarankan menggunakan lain-lain faktor yang tidak digunakan dalam kajian ini untuk seperti faktor gaya kepimpinan pengetua, faktor persekitaran tempat kerja, dan faktor tekanan dari Kementerian, Jabatan dan juga ibu bapa tentang pencapaian para pelajar.

5.7 Kesimpulan

Rumusannya, hasil dapatan kajian menunjukkan faktor beban tugas dan faktor karenah pelajar merupakan faktor yang menyebabkan guru-guru sekolah menengah di kawasan FELDA dalam daerah Kota Tinggi, Johor berasa stres. Namun begitu, dapatan kajian bagi faktor masalah peribadi agak berbeza dengan dapatan-dapatan kajian sebelum ini yang mana faktor masalah peribadi tidak mempengaruhi stres dalam kalangan responden. Hal yang demikian terjadi kerana kemungkinan disebabkan oleh tempat kajian, latar belakang responden, dan instrumen soal selidik yang digunakan adalah berlainan.

Rujukan.

- Abd Razak Mohamed (2010). *Hubungan Faktor Individu, Faktor Organisasi dan juga Faktor Persekitaran Terhadap Tekanan Kerja di Tempat Kerja: Kajian Kes Ke Atas Golongan Pengurusan dan Profesional Sektor Awam di Putrajaya*. (Tesis Sarjana Sains Pengurusan). Universiti Utara Malaysia.
- Anwar Faiz Noor Hamdan, (2011). *Job stress among secondary school teacher: a study in district of Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (1996). *Introduction to research in education* (5th ed.). Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli dan Mazeni Ismail, (2010). Stres dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 103–136
- Azizi Hj. Yahaya, Kim, T.S. dan Shahrin Hashim, (2009). *Stres kerja dalam kalangan guru aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azrul Hisham (2009). *Faktor-faktor tekanan dan kesannya kepada guru sekolah menengah kebangsaan : satu kajian di daerah Timur Laut, Pulau Pinang*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Baharin Abu dan Mariam Aziz, (2010). Stres dalam kalangan guru di dua buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bayi bertali pusat dijumpai dalam longkang. (2015). *Sinar Harian Online*. Diambil pada Mei 3, 2015, daripada www.sinarharian.com.my
- Churchill, G. A. (1979). A paradigm for developing better measures of marketing constructs. *Journal of Marketing Research*, 16(1), 64–73.
- Fazura Mohd Noor, (2011). *Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru-guru: kajian di Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Open University Malaysia.
- Ferlis, B.B., Balan Rathakrishnan, dan Rosnah Ismail, (2009). Sumber stres, strategi daya tindak dan stres yang dialami pelajar universiti. *Jurnal Kemanusiaan* bil.13.
- Frankel, J. R., & Wallen, N. E. (2000). *How to design and evaluate research in education*. New York, NY: McGraw Hill Companies Inc.
- Fun, W.S (2008). Faktor-faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-guru SJK(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghafar, M. N. A. (2003). *Tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Gold, Y. and Roth, R. A. (1993). *Teachers managing stress and preventing burnout: The professional health solution*. London: The Falmer Press.

- Guru paksa murid makan rumput. (2014). *Utusan Online*. Diambil pada Jun 21, 2015, daripada www.utusan.com.my.
- Guru tidak bertugas tanpa kebenaran. (2014). *Sinar Harian Online*. Diambil pada Jun 21, 2015, daripada www.sinarharian.com.my.
- Hargrove, M. B., Nelson, D. L., & Cooper, C. L. (2013). Generating eustress by challenging employees: Helping people savor their work. *Organizational Dynamics*, 42, 61-69.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Andersen, R. E., & Tatham, R. L. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Upper Saddle River: Pearson Prentice Hall.
- Hair, J. F., Black, B., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis* (6thed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hair, J. F., Tatham, R. L., Anderson, R. E., & Black, W. (1998). *Multivariate data analysis* (5thed.). New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Jesus, S.N.D., & Conboy, J. (2001). A stress management course to prevent teacher distress. *International Journal of Education Management*, 15(3), 131-137.
- Jezlily Jamaluddin (2011). *Beban kerja, konflik peranan, tekanan kerja dan prestasi kerja di kalangan pegawai perubatan*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Johari Hassan dan Noornazifah Suandi, (2010). *Kajian terhadap stres dikalangan guru sekolah rendah di Zon Permas Jaya, Johor Bahru dari aspek personaliti*. Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Johnson, R. A., & Wichern, D. W. (1992). *Applied multivariate analysis* (3rd ed.). New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Jusang Bolong, Ezhar Tamam, Md. Salleh Hassan, dan Musa Abu Hasan, (2010). Strategi Meningkatkan Hubungan Interpersonal Dalam Talian Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Jilid 12. Vol. 12, no. 1, p. 91-109*.
- Kamalita Kamarudin (2011). *Job stress among unskilled workers in plantation divisions at Sime Darby Plantation Sdn Bhd*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Kamsiah Kamin (2014). *Hubungan antara komunikasi pegawai subordinat dan kualiti jalinan hubungan serta tekanan kerja di Jabatan Penjara Malaysia*. Tesis PHD. Universiti Utara Malaysia.
- Kawal emosi berdepan kerenah pelajar. (2015). *Sinar Harian Online*. Diambil pada Januari 29, 2015, daripada www.sinarharian.com.my
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Guru dan pemimpin sekolah*. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 123-130.
- Kerlinger, F., & Lee, H. (2001). *Behavioral research. Research methods in social science* (4thed.). Mexico: McGraw Hill.

- Kim, T.S. (2006). *Stres Kerja Di Kalangan Guru Aliran Teknik Di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects on teachers' self-efficacy and job satisfaction: Teacher gender, years of experience, and job stress. *Journal of Educational Psychology*, 102, 741-756.
- Kokkinos, C. M. (2007). Job Stressors, Personality and Burnout in Primary School Teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 77, 229-243.
- Lai, K. B., (2011). *Beban kerja, tekanan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan juruteknologi makmal perubatan hospital kerajaan*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Lemaire, J. (2009). Addressing teacher workload. *Education*, pp. 6.
- Matterson, M. T. & Ivancevich, J.M. (1982). *Managing Job Stress and Health: The Intelligent Person's Guide*. New York, The Free Press, A division of Macmillan Publishing.
- Mazlina Sulaiman (2014). *Hubungan tekanan dengan komitmen dan kepuasan kerja dalam kalangan guru program pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran di empat buah sekolah rendah daerah Pontian*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mejar Sukiman, M. G., (2011). Faktor-faktor tekanan kerja dan hubungannya dengan disiplin rejimen infantri, Tentera Darat Malaysia. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Zaid, Ali Suradin, Siti Sarah, Ahmad Rizal dan Abdul Rashid, (2009). *Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Wanita Program Sarjana Muda Kejuruteraan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Mohd Fitri Sahhari (2001). Tahap Beban Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Skudai: Kajian Kes. *Kajian Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shukri (2010). Stres guru dengan gaya kepimpinan guru besar sekolah kebangsaan di Kulim. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, Suzana Ibrahim, (2014). Stress among Special Education Teachers in Malaysia. *4th World Conference on Psychology, Counselling and Guidance WCPCG-2013*. Universiti Sains Malaysia.
- Mullen, K. D., & Costello, G. (1981). *Health awareness through self-discovery: A workbook*. Minneapolis: Burgess Pub.
- Noor Hamizah Abu Bakar (2012). *Guru lebih stres*. Diambil pada Mac 24, 2015, daripada www.utusan.com.my
- Ong Qi Hong (2014). *Analysing Sources Of Stress Among Business Students: Evidence From Universiti Utara Malaysia*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.

- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 10)*. Open University Press.
- Piaw, C. Y. (2006). *Asas statistik penyelidikan, kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGrawhill (M) Sdn. Bhd.
- Raja Maria (2011). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh*. Tesis Sarjana. Open University Malaysia.
- Ramai guru sakit jiwa. (2012). *Utusan Online*. Diambil pada Mac 24, 2015, daripada www.utusan.com.my.
- Rosman Ahmad (2007). *Beban Tugas, Kekaburan serta Konflik Peranan dan Hubungannya dengan Tekanan Kerja dikalangan Staf Ibu Pejabat Tourism Malaysia, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.
- Sapora Sipon (2007). *Pendidik Mesti Bijak Kawal Emosi*. dlm. "Utusan Malaysia".27 Julai 2007.
- Schafer, C. A. (1992). *Demographic overview of teacher workload issues and stress survey*, Spring 2001. BCTF Research Support.
- Sekaran, U. (2006). *Research method for business: A skill building approach* (4th ed.). New Delhi: Sharda Ofsett Press.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business: A skill-building approach* (6th ed.). John Wiley & Sons Ltd
- Selye, H. (1976). *The Stress of Life*. New York: Mc Graw Hill Book Co.
- Sindiket dadah di Felda tumpas. (2015). Diambil pada Mei 4, 2015, daripada www.johortimes.com.my.
- Smither, R. (1994). Stress and teachers: Old wine in new bottle. *Urban Education*, 19, 39–51.
- Tengku Mastura dan Noraime (2006). *Stres Di Kalangan Guru: Satu Kajian Ke Atas Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tajulashikin, Fazura, Mohd Burhan. (2013). Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru: Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 1 Isu 2.
- Tiga pelajar pitam dirotan. (2013). *Berita Harian Online*. Diambil pada Jun 21, 2015, daripada www.bharian.com.my.
- Tinjauan Kesihatan Mobiditi dan Kesihatan, (2011). *Sinar Harian Online*. Diambil pada Januari 29, 2015, daripada www.sinarharian.com.my
- Tuckman, W. B., (1988). *Conducting education research*. New York: Harcott Jovanivick.

- Valarmathy, R. G., (2014). *A study on the perceive stress among police personnel at the workplace*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia
- Van Dick, R., & Wagner,U. (2001). Stress and strain in teaching: A structural equation approach. *British Journal of Educational Psychology*, 2 71, 243.
- Vijayen, Donatus, Amelia, (2010). Tahap dan punca stres dalam kalangan pelajar IPG Kampus Keningau. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Keningau*. Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Mohamad Nasir, (2002). *Faktor-faktor Stres Pekerjaan Pensyarah Politeknik*. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Saniah Wan Yahya (2007). *Stres dalam kehidupan*. Unit Kaunseling. Universiti Malaysia Perlis.
- Yusnida Md Yusof, (2009). *Hubungan antara iklim sekolah dan stres guru*. Tesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Zakiah Arshad, (2003). *Stres kerja di kalangan guru-guru sekolah rendah: Satu kajian di Zon Bandar, Kota Tinggi, Johor*. Thesis Master Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- 990 salah guna dadah ditahan di tanah Felda, (2015). *Utusan Online*. Diambil pada Mei 4, 2015, daripada ww1.utusan.com.my